Selain daripada itu jenayah yang membabitkan imigran tanpa dokumen dan pelarian juga menyebabkan kadar jenayah negara semakin serius. Ini kerana kebanyakan kerja-kerja 3D (*dangerous, dirty, demeaning*) melibatkan golongan ini dan rata-rata rakyat tempatan tidak berminat. Isu ini juga membabitkan pelbagai masalah sosial terutamanya masalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan menguatkuasakan undang-undang, contohnya kewujudan banyak kedai-kedai Aceh daripada golongan imigran ini, isu penyeludupan manusia dan isu berkaitan anak tanpa kewarganegaraan yang memberi kesan kepada pendidikan dan peningkatan keciciran yang boleh meningkatkan potensi jenayah semakin serius.

Seterusnya adalah cara-cara mengurangkan jenayah serius. Rakyat Malaysia secara amnya adalah kurang berinformasi dan kurang kesedaran tentang keselamatan yang melibatkan dunia digital. Mangsa biasanya terdiri daripada orang-orang yang terdesak, mencari jalan mudah tanpa mengikut prosedur dan undang-undang yang sepatutnya, wanita-wanita yang kesunyian (bagi *love scam*) serta individu yang berpencen. Maka dengan ini, kempen-kempen kesedaran haruslah diperluaskan lagi bagi membantu golongan-golongan berisiko supaya peka dengan keadaan.

Akta berkaitan gangguan seksual kanak-kanak haruslah diperketatkan lagi dan turut menitikberatkan serangan atau gangguan seksual bukan fizikal seperti gangguan psikologi kerana ianya memberi kesan negatif yang berpanjangan kepada mangsa. Kekurangan penjaga dan fasiliti adalah antara masalah-masalah yang berlaku yang menyebabkan kanak-kanak kurang upaya terdedah kepada jenayah serius seperti penderaan, pengabaian yang mengakibatkan kecederaan mental dan fizikal. Oleh itu, undang-undang (Akta Pusat Jagaan 1983 dan peraturan-peraturan berkaitan) dan panduan berkaitan rumah jagaan perlu diperkasakan dengan mewujudkan elemen penguatkuasaan. Dalam elemen ini, wakil MBOKU telah mencadangkan agar pasukan pelapor dalam komuniti diwujudkan dalam memastikan apa sahaja kes-kes berkaitan penderaan kanak-kanak kurang upaya ini dapat disiasat dan dikenalpasti untuk dibawa ke pihak berkuasa. Panduan pendaftaran pusat penjagaan juga haruslah disemak dan diaudit secara berkala agar tempat-tempat ini dapat dipantau dari segi lesen dan bilangan kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Selain itu, latihan kompetensi perlu diperkenalkan bagi memastikan penjaga kanak-kanak ini diberi latihan secukupnya.

Isu yang melibatkan pendatang tanpa izin mempunyai lebih banyak perihal negatif daripada perihal positif. Undang-undang dan peraturan agensi penguatkuasaan perlu dikemaskini serta dikuatkuasakan dengan penuh integriti terutamanya ketika menjaga sempadan negara.

Bagi tujuan mengoptimalkan potensi penggunaan aset dan teknologi maklumat, pihak PDRM telah menyediakan portal untuk masyarakat menyemak status penjual, nombor akaun mahupun nombor telefon contohnya di halaman Semak Mule CCID. Usaha untuk menghebahkan kemudahan ini haruslah dipertingkatkan lagi. Masyarakat juga boleh menggunakan aplikasi *TRUECALLER* bagi mengelakkan dari menjadi mangsa penjenayah siber dan *scammer*.

Teknologi juga perlulah lebih sistematik, terutamanya di dalam merekodkan pergerakan ataupun keberadaan penagih-penagih dadah. Sistem juga boleh didirikan mengikut kategori agar pemantauan berkala mudah dijalankan mengikut kategori penagih terbabit. Ini boleh mengurangkan risiko pengulangan dan dalam masa yang sama membantu memantau penagih-

penagih dalam jangka masa yang panjang. Penggunaan *CCTV* haruslah diperbanyakkan dan perlu diselenggara dengan berkala agar sentiasa berfungsi. Telah banyak kejadian di mana bukti-bukti tidak dapat dikumpul hanya kerana *CCTV* yang disediakan hanyalah ‘*dummy*’ kerana *CCTV* terbabit tidak lagi berfungsi. Ini bagi mengurangkan kes-kes jenayah serius agar mengurangkan lagi *hotspot* penjenayah.

Bagi ekosistem keselamatan, kerjasama di antara agensi dan jabatan amatlah penting dalam membanteras jenayah serius. Bagi jenayah siber contohnya, dengan kerjasama di antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), PDRM dan juga syarikat telekomunikasi, sehingga bulan Mac tahun 2022, telah berjaya menyekat 1.6 bilion panggilan dipercayai berkaitan dengan penipuan daripada pengguna dan 1,151 laman sesawang berbentuk penipuan. Kerjasama ini boleh dipanjangkan lagi menerusi jalinan kerjasama dengan rakan strategik terutamanya di Asia bagi membanteras penipuan siber dan *scam*. Ini adalah kerana kes jenayah siber tidak hanya tertumpu di dalam Malaysia malahan industri ini telah berkembang dan menggunakan konsep *outsourcing* di negara lain.

Selain itu, kerjasama di antara masyarakat haruslah lebih padu dan efektif. Rasa kekitaan haruslah diterapkan kerana buat masa ini, masyarakat lebih selesa dengan tidak menghiraukan jenayah disekeliling kerana takut akan kesan buruk di kemudian hari. Masyarakat tidak seharusnya bersikap *reactive* tetapi lebih *proactive* dalam menangani jenayah serius yang memerlukan perhatian sewajarnya. Program seperti sahabat KDN, perlu digunakan sebaik mungkin. Semua pihak (masyarakat dan penguatkuasa) perlu diberi tanggungjawab bersama bagi memastikan keharmonian negara terjamin, contohnya dengan menjadikan ahli-ahli Sahabat KDN atau anggota RELA.

Cadangan seterusnya adalah mewujudkan bandar dan kampung selamat (Deng et al., 2023; Manea et al., 2023; Venter et al., 2022). KDN dengan kerjasama kementerian-kementerian lain dan kerajaan tempatan perlu mewujudkan model bandar selamat versi Malaysia yang bersesuaian dengan budaya dan kadar jenayah setempat. Perincian mengenai ciri-ciri bandar selamat dari segi rekabentuk kawasan perumahan, jalan, kawasan pejalan kaki,

orang berbasikal, lampu trafik, keluasan jalan, bahu jalan, bit polis/polis bantuan dan sebagainya perlu dibuat bagi mewujudkan taman-taman perumahan baru yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang mampan. Perincian asas adalah penting bagi membantu KDN mengadakan peruntukkan khas bagi tujuan pembangunan bandar atau kampung selamat berdasarkan ciri-ciri asas yang telah diperincikan.

RUMUSAN DAN PENUTUP

Keselamatan dan ketenteraman awam merupakan satu aspek penting bagi sesebuah negara. Oleh itu, usaha-usaha untuk membanteras jenayah perlu dilakukan secara konsisten dan selari dengan perkembangan semasa kerana jenayah berubah mengikut peredaran zaman. Bagi tujuan penambakan sistem keselamatan awam di Malaysia, kertas kerja ini mendapatkan maklum balas dari pemegang taruh di kalangan komuniti dan orang awam melalui kaedah meja bulan (RTD). Hasil kajian menunjukkan bahawa kejayaan ekosistem keselamatan negara adalah bergantung kepada pencegahan jenayah secara holistik dan bersepadu dengan kerjasama rapat di antara pihak penguatkuasa dan orang ramai. Selain itu, kerjasama di antara agensi, kementerian dan badan bukan kerajaan juga perlu dijalankan bagi meningkatkan lagi urusan keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia.

RUJUKAN

- Bernales, A., Beuermann, D. W., Cumming, D., & Olid, C. (2023). Blue-Collar Crime and Finance. *Journal of International Financial Markets, Institutions and Money*, 83, 101732.
- Deng, Y., He, R., & Liu, Y. (2023). Crime risk prediction incorporating geographical spatiotemporal dependency into machine learning models. *Information Sciences*, 646, 119414.
- Escobar, M. A., Tobón, S., & Vanegas-Arias, M. (2023). Production and persistence of criminal skills: Evidence from a high-crime context. *Journal of Development Economics*, 160, 102969.
- Manea, R. E., Piraino, P., & Viarengo, M. (2023). Crime, inequality and subsidized housing: Evidence from South Africa. *World Development*, 168, 106243.
- Venter, Z. S., Shackleton, C., Faull, A., Lancaster, L., Breetzke, G., & Edelstein, I. (2022). Is green space associated with reduced crime? A national-scale study from the Global South. *Science of the total environment*, 825, 154005.

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERSEPSI TERHADAP KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM DI MALAYSIA

Nur Zainie Abd Hamid, Khairul Azfar Adzahar, Mohd Fazil Jamaludin,
Mohd Shafiz Saharan

ABSTRACT

Security and public order is the responsibility of all individuals. Cooperation and collaboration of various parties are very important in ensuring security and public order. Previously, various initiatives were taken to strengthen aspects of security and public order by focusing on improving efforts to prevent crime, combat drug abuse, and curb human trafficking. In general, numerous factors closely related to social well-being are deemed both potential deterrents and threats to public safety and order. This study aims to analyze seven factors that have the potential to influence the perception of public safety and security. For this purpose, a quantitative method via the distribution of online questionnaires among the general public aged 18 years and above throughout Malaysia has been used. In total, there were 14,785 responses received during the three months period of data collection. The findings of the study show that all the factors, namely demography, neighborhood, psychology, experience, physical aspects, media, and enforcement are significant ($p < 0.01$) influencing the perception of public safety and order in 2022. The factor found to be the most influential is the neighborhood with values correlation (ρ) 0.90 while the least influencing factor is psychology with a correlation value (ρ) of 0.19. These seven factors are important when considering reactive and proactive actions to improve security and public order in Malaysia.

Keywords: *Physical aspect, demography, public safety, public order, enforcement*

ABSTRAK

Aspek keselamatan dan ketenteraman awam merupakan tanggungjawab semua pihak. Kerjasama erat daripada pelbagai pihak adalah amat penting dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam adalah terjamin. Terdahulu, pelbagai inisiatif telah diambil bagi memperkukuhkan aspek keselamatan dan ketenteraman awam dengan menumpukan kepada penambahbaikan usaha mencegah jenayah, membanteras penyalahgunaan dan pengedaran dadah serta mengekang pemerdagangan manusia. Secara umumnya, terdapat pelbagai faktor yang sangat berkait rapat dengan kesejahteraan sosial yang dianggap mampu menjadi pencegah dan pada masa yang sama menjadi ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman awam. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tujuh faktor yang berpotensi mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam. Bagi tujuan tersebut, kaedah kuantitatif iaitu melalui edaran soal selidik secara atas talian di kalangan orang awam yang berumur 18 tahun dan ke atas di seluruh Malaysia telah digunakan. Secara keseluruhannya, terdapat 14,785 maklum balas telah diperolehi sepanjang tempoh tiga bulan pengumpulan data dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua faktor yang dicadangkan iaitu demografi, kejiwaan, psikologi, pengalaman, aspek fizikal, media, dan penguatkuasaan adalah signifikan ($p \leq 0.01$) dalam mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam pada tahun 2022. Faktor yang didapati paling mempengaruhi ialah kejiwaan dengan nilai korelasi (r) 0.90, manakala faktor yang paling tidak mempengaruhi ialah psikologi iaitu dengan nilai korelasi (r) 0.19. Ketujuh-tujuh faktor ini dilihat penting untuk dipertimbangkan dalam mengambil tindakan yang reaktif dan proaktif dalam usaha untuk meningkatkan aspek keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia.

Kata Kunci: *Aspek fizikal, demografi, keselamatan awam, ketenteraman awam, penguatkuasaan*

PENGENALAN

Permasalahan jenayah merupakan masalah sosial yang seringkali menjadi ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) memainkan peranan utama dalam menjamin keselamatan dan ketenteraman awam di kalangan orang awam. Walau bagaimanapun, kesedaran masyarakat terhadap pencegahan jenayah juga memainkan peranan yang penting bagi membantu mengurangkan indeks jenayah di Malaysia. Walaupun kadar jenayah indeks Malaysia pada tahun 2022 menurun 4.1 peratus berbanding tahun 2021, bilangan kes yang dilaporkan masih membimbangkan iaitu berjumlah 50,819 kes. Hal ini sekaligus mempengaruhi persepsi orang awam terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di sekeliling mereka.

Keselamatan dan ketenteraman awam merupakan elemen penting dalam menjana pembangunan masyarakat yang lestari. Keselamatan dan ketenteraman awam bukan lagi isu sampingan yang tidak perlu diambil peduli, tapi telah menjadi isu utama pada masa kini bagi orang awam menjalani kehidupan yang aman, harmoni dan sejahtera. Kerisauan, kebimbangan atau ketakutan terhadap jenayah akan menyebabkan masyarakat berada dalam kerisauan yang akan menjejaskan kualiti kehidupan mereka. Apabila masyarakat berasa selamat, urusan kehidupan menjadi lebih teratur dan efisien sekaligus memberi kesan positif secara langsung kepada kualiti hidup mereka (Jasson, 2019). Pelbagai faktor boleh mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di kalangan masyarakat. Oleh itu, bagi mengenal pasti dan memahami hubungan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi orang awam terhadap keselamatan dan ketenteraman awam dengan persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam, kajian ini dijalankan bagi menganalisis tujuh faktor yang telah dikenalpasti melalui kajian literatur iaitu demografi, kejiwaan, aspek fizikal, pengalaman, media, psikologi dan penguatkuasaan.

KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan kajian literatur, terdapat tujuh faktor utama yang sering dikaitkan dengan persepsi orang awam terhadap keselamatan dan ketenteraman awam iaitu demografi, kejiranan, pengalaman, psikologi, aspek fizikal, media dan penguatkuasaan.

Demografi

Demografi merupakan faktor penting di dalam mempengaruhi persepsi rasa selamat masyarakat (Haswira Nor et al., 2022). Menurut kajian yang dijalankan oleh Mohd Nasir et al. (2018), persekitaran adalah faktor yang signifikan dalam mempengaruhi persepsi rasa selamat masyarakat. Kualiti persekitaran akan menentukan penurunan atau peningkatan rasa selamat dan mengurangkan perasaan takut di kalangan masyarakat. Kajian yang dijalankan oleh Lane dan Meeker (2003) menunjukkan bahawa jantina memainkan peranan mempengaruhi persepsi rasa selamat individu. Hal ini disokong juga oleh Nor Af'idah (2014) di dalam kajian mereka yang mendapati bahawa jantina amat mempengaruhi persepsi seseorang individu tentang rasa selamat. Faktor umur pula dikatakan mempengaruhi dan mempunyai hubungan positif dengan persepsi rasa selamat (Parker & Ray, 1990). Selain itu, kepercayaan terhadap agama mempengaruhi persepsi individu terhadap keselamatan berdasarkan dapatan kajian oleh Adler et al. (2021) di mana semakin kuat kepercayaan seseorang individu di dalam agamanya, semakin tinggi persepsi rasa selamat.

Kejiranan

Perasaan selamat juga bergantung kepada faktor kejiranan kerana kejiranan yang baik dan harmoni dapat mewujudkan perpaduan, membentuk jaringan komuniti yang harmoni seterusnya menjadikan kehidupan bermasyarakat yang sejahtera. Faktor kejiranan ini dibentuk oleh hubungan sosial yang dikenalpasti sebagai salah satu faktor penting yang dapat mempengaruhi persepsi keselamatan masyarakat di sesebuah tempat. Perancangan sosial yang baik di kawasan perumahan dapat memberikan kesan yang positif untuk mewujudkan kesejahteraan sosial dalam kehidupan masyarakat bandar. Dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Syariefudin (2016), konsep kesepaduan sosial, kejiranan dan rukun tetangga merupakan faktor yang

penting dalam memastikan kesejahteraan sosial dapat dicapai. Kesejahteraan sosial boleh dicapai melalui Program Rukun Tetangga seperti rondaan di kawasan perumahan untuk membanteras kegiatan jenayah merupakan satu inisiatif bagi memastikan kesejahteraan sosial dalam sesebuah kawasan dapat dicapai (Ainur & Jalaluddin, 2009). Perkara ini juga disokong dalam kajian yang dilaksanakan oleh Zinalibdin dan Lyndon (2016) iaitu Program Rondaan Skim Sukarela di Sabah terbukti dapat meningkatkan kekuatan keselamatan lokaliti dan seterusnya mengurangkan rasa tidak selamat dari segi psikologi serta emosi. Salah satu usaha bagi memastikan masyarakat berasa selamat dalam konteks kehiranan adalah dengan mewujudkan perumahan berstrata yang baik serta berkualiti yang dilengkapi dengan infrastruktur yang baik dan diselenggarakan secara berkala (Dasar Komuniti Negara, 2019). Justeru, persekitaran kehidupan masyarakat yang berdaya huni dan mampan dalam kehiranan dapat diwujudkan seterusnya mencetuskan rasa selamat di kalangan masyarakat.

Pengalaman

Pengalaman dan sejarah kehidupan seseorang terutamanya pengalaman yang negatif dan menakutkan akan mempengaruhi persepsi rasa selamat (Graham et al., 2013; Farahah et al., 2019). Dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh Kanyo dan Rahman (2016), menjelaskan bahawa ketakutan individu di dalam sesebuah masyarakat terhadap jenayah akan menyebabkan penurunan kualiti kehidupan masyarakat tersebut dan seterusnya menjejaskan keamanan dan keselamatan negara. Ketakutan terhadap jenayah ini adalah berbeza mengikut faktor pengalaman dan sejarah mangsa di sesebuah masyarakat. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Chadee et al. (2007), ketakutan seseorang terhadap jenayah terbahagi kepada dua bahagian iaitu ketakutan afektif dan ketakutan kognitif. Ketakutan afektif merupakan respons emosi terhadap jenayah dan ancaman yang pernah berlaku manakala ketakutan kognitif adalah melibatkan persepsi risiko menjadi mangsa terhadap jenayah.

Menurut Henson dan Reynolds (2015), faktor sejarah mangsa jenayah adalah faktor penting dalam menentukan tahap ketakutan terhadap jenayah. Pengalaman menjadi mangsa secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada tahap rasa selamat berada di sesuatu tempat atau kawasan. Mangsa yang terlibat secara langsung terhadap jenayah mempunyai

rasa ketakutan yang lebih tinggi terhadap jenayah yang pernah berlaku (Hanslmeir et al., 2016; Grinshteyn et al., 2016). Mangsa yang tidak terlibat secara langsung pula seperti pernah menyaksikan sendiri atau mendengar berkenaan sesuatu jenayah mempunyai tahap ketakutan yang tinggi terhadap jenayah (Grinshteyn et al., 2016).

Psikologi

Faktor psikologi merupakan salah satu faktor yang mampu mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap persepsi rasa selamat (Graham et al., 2013). Tahap psikologi individu adalah berbeza-beza bergantung kepada cara mereka beradaptasi dengan persekitaran di sekeliling mereka. Ini bermaksud faktor psikologi mempunyai hubung kait dengan perlakuan individu yang dipengaruhi oleh emosi apabila mereka berada di dalam sesebuah persekitaran. Mohd Azmir dan Afi Roshezry (2021) menjelaskan psikologi keselamatan ialah perasaan yang terhasil melalui proses kognitif dan tingkah laku yang terbentuk menerusi realiti keselamatan yang dihadapi oleh seseorang atau sesebuah masyarakat. Langkah-langkah keselamatan akan diambil sekiranya wujud kesedaran terhadap bahaya yang berkemungkinan berlaku. Aspek keselamatan ini dipengaruhi oleh emosi dan realiti kerana otak akan sentiasa berfungsi untuk menganalisis risiko bagi mengenal pasti keadaan persekitaran sama ada selamat ataupun sebaliknya.

Model Kepercayaan Kesihatan (*The Health Belief Model*) (Taylor et al., 2006) dibangunkan bagi menentukan tahap orang awam mematuhi strategi pencegahan penyakit dan menjalankan ujian saringan pengesanan penyakit. Model ini telah diubahsuai sebagai Model Kepercayaan Keselamatan (Nizah et al., 2020 & Williams et al., 2014). Jika masyarakat merasakan bahawa mereka mudah terjebak dengan aktiviti jenayah seperti penipuan (*scam*) ianya akan mempengaruhi tahap rasa selamat mereka. Natijahnya, perbuatan jenayah bukan fizikal mempunyai kaitan yang rapat dengan psikologi masyarakat atau kognitif mereka dalam menilai sesuatu risiko keselamatan dan seterusnya mengubah perlakuan masyarakat tersebut (Nizah et al., 2020). Tahap prediktif masyarakat dalam model ini dapat memberikan penjelasan bahawa tahap kesedaran masyarakat terhadap keselamatan dan ketenteraman mereka adalah bergantung kepada faktor psikologi (Nizah & Bakar., 2021).

Media

Media adalah alat komunikasi yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada penerima melalui pelbagai jenis medium, sama ada dalam bentuk bercetak atau di atas talian. Contoh instrumen media termasuklah surat khabar, radio, televisyen, majalah, sumber internet seperti blog dan penerbitan dalam talian. Media berfungsi menyalurkan informasi serta berkomunikasi kepada orang ramai dan masyarakat kini bergantung kepada media untuk mengetahui pelbagai isu atau maklumat seperti isu politik, hiburan, isu dunia, kebudayaan dan berita tempatan serta antarabangsa (Ziani, 2015; Saleh et al., 2017). Definisi media telah berkembang secara meluas dengan kemunculan media sosial, satu istilah yang sudah menjadi kebiasaan, di mana ia menyebarkan maklumat melalui laman sesawang. Teori Kebergantungan Media yang dibangunkan oleh Ball-Rokeach dan DeFleur (1976), telah memberi penekanan bahawa semakin seseorang individu itu bergantung kepada sumber media bagi mendapatkan maklumat, maka semakin besar pengaruh media kepada individu tersebut.

Selain itu, media juga merupakan pendorong kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Masyarakat juga sedar bahawa media sosial turut memberikan impak yang besar kepada mereka. Tan Sri Mohd Azumi Mohamed menjelaskan bahawa media kini mempunyai kuasa yang kuat dalam mempengaruhi persepsi masyarakat apabila teknologi internet dijadikan medium penyebaran maklumat dan berita (Bernama, 2021). Menurut Hanafi dan Rahim (2017), media sosial merupakan satu kuasa yang sangat besar dalam membina jaringan komunikasi bagi tujuan penyebaran maklumat kepada masyarakat. Perkembangan media sosial mengalami kepesatan dengan kewujudan teknologi komunikasi tanpa wayar seperti Streamyx, Unifi dan pelbagai pelan prabayar laman sesawang yang ditawarkan dalam pasaran tempatan (Tamuri & Hussin, 2017). Ini menyebabkan penyebaran maklumat dapat dilakukan dengan sangat pantas dan kadangkala ianya sukar untuk dikawal. Aplikasi seperti Facebook, WhatsApp, dan Twitter kini telah mendominasi pengguna di kalangan remaja sebagai alat komunikasi yang pantas dan boleh melibatkan ramai pengguna dalam satu masa (Subramaniam, 2017).

Kewujudan media sosial telah memberi kesan terutamanya informasi dan berita palsu yang tular yang boleh mengganggu gugat ketenteraman negara apabila melibatkan kandungan sensitif 3R iaitu perkauman (*race*), agama (*religion*) dan institusi diraja (*royalty*) (Sualman, 2019). Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Shirky (2011) mendapati penyebaran kandungan yang dihasilkan oleh masyarakat melalui media sosial juga adalah lebih cepat daripada arus media perdana. Hal ini turut ditekankan di dalam Dasar Keselamatan Negara (DKN) di mana media sosial menjadi platform bagi masyarakat menyebarkan isu-isu sensitif yang melibatkan kaum, agama, kepercayaan dan kebudayaan di mana ianya boleh menjejaskan perpaduan negara.

Selain itu, Tan Sri Lee Lam Thye memaklumkan bahawa penyebaran berita palsu yang menyentuh isu perkauman dan anti perpaduan boleh menimbulkan suasana panik di kalangan masyarakat dan ini boleh mengganggu gugat keamanan negara (Bernama, 2020). Sebarang isu dan sentimen yang disebarkan melalui media sosial juga boleh mengancam keselamatan negara. Aktiviti-aktiviti seperti mengedar dan menular perkara yang boleh mencetuskan kebencian dan perang media akan dieksploitasi oleh kumpulan ekstremis dan pengganas (Sualman, 2019). Justeru, penyebaran berita palsu tidak boleh dipandang ringan kerana terdapat risiko yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan negara (Jalli & Idris, 2019).

Peranan filem juga dapat memberi kesan dalam penyebaran maklumat tentang sejarah, budaya, agama dan isu-isu semasa. Kesan daripada tontonan filem yang dipaparkan dapat mewujudkan - persepsi terhadap mesej yang dibawa di dalam sesebuah filem (Abdullah et al., 2022). Pengaruh filem ke atas generasi muda pada masa kini dapat memberikan kesan positif seperti memberikan inspirasi tetapi pada masa yang sama, ianya boleh memberi ancaman kepada keselamatan negara sekiranya filem tersebut mempunyai unsur-unsur negatif. Oleh yang demikian, pihak penapis filem perlu memainkan peranan dalam mencegah ancaman yang mungkin berlaku dengan memperkukuhkan lagi Akta Penapisan Filem Malaysia 2002 supaya filem yang ditayangkan di Malaysia berperanan menjadi salah satu bahan media dalam memberikan kesedaran serta menyebarkan maklumat yang baik kepada masyarakat. Oleh itu, semua alat penyebaran maklumat seperti media cetak,

elektronik, media sosial dan filem perlulah dikawal dan ditapis supaya mampu menjadi medium yang menyokong keselamatan dan ketenteraman negara.

Aspek Fizikal

Kajian telah membuktikan bahawa kebanyakan langkah-langkah keselamatan dilaksanakan menerusi pelbagai kegiatan kemasyarakatan untuk mencegah perilaku jenayah di kawasan sekitar tanpa memberi perhatian kepada faktor-faktor persekitaran fizikal (Ainur Zaireen & Jalaluddin, 2010). Antara aspek fizikal bagi faktor-faktor yang mempengaruhi keselamatan negara termasuklah keselamatan di kawasan setempat dan kemudahan seperti CCTV yang menitikberatkan aspek keselamatan sekiranya terdapat bangunan dan rumah terbiar.

Menurut Zulfakar (2022), terdapat masalah yang timbul daripada projek perumahan terbiar. Menurutnyanya, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara sehingga April 2022 yang menunjukkan sebanyak 94,522 buah rumah boleh dikategorikan sebagai sakit dan terbengkalai, berbanding hanya 45,420 buah rumah pada April 2019. Projek perumahan terbiar mengakibatkan ancaman biologi seperti demam denggi, malaria, kencing tikus dan lain-lain. Kawasan tapak pembinaan terbiar turut menjadi sarang penagih dadah dan aktiviti tidak bermoral. Akibatnya, ketenteraman dan keamanan penduduk setempat turut terancam. Pihak berwajib haruslah memantau dan bertindak bagi membendung aktiviti yang mengganggu ketenteraman dan keamanan di kawasan setempat.

Kemudahan CCTV pula telah menjadi satu keperluan di bandar besar. Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menjelaskan bahawa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja, sebanyak 3,000 CCTV yang mempunyai fungsi AI telah dipasang bagi pengurusan sistem trafik pintar, menambah baik sistem penyelenggaraan dan pemantauan serta perlindungan aset DBKL. Sistem tersebut juga digunakan bagi pemantauan jenayah termasuklah pencegahan aktiviti vandalisme dan pemantauan komuniti. Sebanyak 2,000 CCTV tambahan khusus untuk kegunaan Polis Diraja Malaysia bagi pemantauan jenayah telah diperuntukkan. DBKL turut memasang 140 unit VMS (Sistem Pemantauan Kenderaan), pemasangan 42 butang panik di taman awam serta pemasangan 78 unit pembesar suara yang

telah siap sepenuhnya pada penghujung 2021 (Tan, 2021). Kemudahan seperti ini amat penting bagi mempertingkatkan lagi aspek keselamatan masyarakat setempat.

Penguatkuasaan

Faktor-faktor yang mempengaruhi keselamatan negara turut mengambilkira faktor penguatkuasaan. Aspek penguatkuasaan yang terlibat termasuklah pemantauan berkala oleh pihak berwajib di kawasan yang telah ditetapkan serta sistem Rondaan Sukarela (SRS) di kawasan setempat.

Menurut Lah (2022), Polis Melaka menggandakan rondaan sepanjang Op Selamat 18 ke atas premis yang berdaftar menggunakan aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP). Selain menggunakan aplikasi tersebut, pihak polis turut menerima borang berkaitan yang diisi di balai polis berhampiran dengan tempat tinggal. Maklumat pergerakan dan tempoh meninggalkan tempat kediaman akan memudahkan pihak polis melaksanakan rondaan berkala. Ini bagi membanteras jenayah pecah rumah terutamanya pada musim perayaan.

Selain itu, Skim Rondaan Sukarela (SRS) adalah pasukan yang beruniform lengkap serta mempunyai kad pengenalan diri. SRS merupakan badan yang diiktiraf oleh kerajaan dan juga pihak polis (Wazilah, 2020). Justeru, pihak kementerian berharap lebih ramai golongan muda menyertai pasukan tersebut sebagai salah satu tanggungjawab sosial mereka menjaga kawasan setempat. Timbalan Menteri Perpaduan Negara Senator Datuk Seri Ti Lian Ker turut menyeru agar golongan belia melibatkan diri dalam Skim Rondaan Sukarela (SRS) terutamanya di kawasan kampung dan Felda. Ini adalah bagi membendung jenayah terutamanya di kawasan tersebut.

Menurut Menteri Perpaduan Negara Datuk Halimah Mohamed Sadique, terdapat 5,333 SRS yang aktif di seluruh negara (John, 2021). Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), aktiviti SRS hanya melibatkan program tertentu yang masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Program yang dibenarkan ialah rondaan keselamatan di kawasan perumahan, misi menyalurkan bantuan banjir serta aktiviti penyediaan peralatan perlindungan

diri (PPE). Justeru itu, rondaan keselamatan oleh SRS boleh mempertingkatkan lagi tahap keselamatan bagi penduduk setempat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan menggunakan kaji selidik secara keratan rentas (*cross-sectional*) bermula 1 Ogos 2022 sehingga 31 Oktober 2022. Secara keseluruhannya, kajian ini menasarkankan 15,000 responden daripada kesemua 16 negeri dan Wilayah Persekutuan termasuk Sabah dan Sarawak. Responden yang dipilih terdiri daripada orang awam yang tinggal di kawasan yang berdasarkan definisi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di setiap negeri dan Wilayah Persekutuan iaitu Majlis/Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah. Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data primer ialah borang soal selidik yang mengandungi 17 soalan tertutup (*closed-ended questions*) yang mewakili tujuh faktor yang mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam. Kutipan data dijalankan secara atas talian. Bagi tujuan pengukuran, lima skala Likert berbentuk pernyataan telah digunakan. Jadual 1 menunjukkan deskripsi dan julat lima skala Likert yang digunakan untuk menginterpretasi dapatan skor purata.

Jadual 1

Julat dan Interpretasi 5 Skala Likert

Skala Likert	Deskripsi Skala Likert	Julat Skala Likert
1	Sangat Tidak Setuju	1.00 – 1.80
2	Tidak Setuju	1.81 – 2.60
3	Kurang Setuju	2.61 – 3.40
4	Setuju	3.41 – 4.20
5	Sangat Setuju	4.21 – 5.00

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis deskriptif (frekuensi) melalui perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 27. Purata skor (*mean*) telah diambil kira bagi menganalisis data kuantitatif yang diperolehi. Untuk mengesahkan perbandingan peringkat faktor-faktor yang

mempengaruhi persepsi keselamatan dan ketenteraman awam, Analisis Korelasi Rank Spearman telah digunakan untuk mengukur korelasi kedudukan melalui perisian *Statistical Software for Data Science* (Stata) versi 17.

DAPATAN KAJIAN

Purata Skor Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Persepsi terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis skor purata bagi setiap instrumen yang digunakan bagi faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam. Jadual 3 pula menunjukkan dapatan analisis skor purata secara keseluruhan bagi setiap faktor. Berdasarkan dapatan analisis, nilai purata bagi setiap instrumen bagi kesemua faktor yang berada di dalam julat 3.41 hingga 4.20 iaitu setuju. Ini menunjukkan responden bersetuju dengan setiap pernyataan berkaitan dengan faktor demografi, kejranaan, pengalaman, psikologi, aspek fizikal, media dan penguatkuasaan bahawa setiap pernyataan yang diberikan mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam pada tahun 2022.

Jadual 3

Skor Purata bagi Instrumen Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Persepsi terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Faktor	Instrumen	Purata Skor	Interpretasi
Demografi	Tahap keselamatan di persekitaran kediaman saya adalah terjamin.	3.77	Setuju
	Keselamatan individu lelaki adalah lebih terjamin berbanding individu wanita.	3.71	Setuju
	Perasaan selamat ketika berada di persekitaran dipengaruhi oleh peringkat umur seseorang individu.	3.64	Setuju
	Kepercayaan dan pegangan saya terhadap agama membuatkan saya berasa lebih selamat.	3.96	Setuju
	Hubungan keluarga yang rapat dan stabil menjamin keselamatan diri saya.	3.98	Setuju
Kejiranan	Kejiranan dan komuniti yang baik di sekeliling telah membuatkan saya selamat.	4.05	Setuju
	Jiran yang mengambil berat dan ambil tahu keadaan persekitaran membuatkan tempat saya berasa aman dan selamat.	3.98	Setuju
Pengalaman	Pengalaman menjadi mangsa membuatkan saya sentiasa	3.56	Setuju

Faktor	Instrumen	Purata Skor	Interpretasi
	berasa tidak selamat ketika menjalani kehidupan seharian. Kes-kes jenayah yang pernah berlaku di sekeliling membuatkan saya tidak berasa selamat.	3.78	Setuju
Psikologi	Semakin tinggi pengetahuan saya tentang amalan keselamatan, semakin saya berasa selamat berada di persekitaran.	3.88	Setuju
	Saya sering berasa tidak selamat ketika berada di kawasan awam.	3.41	Setuju
Media	Kes jenayah yang dilaporkan di media massa dan media sosial membuatkan saya berasa tidak selamat ketika berada di persekitaran saya.	3.68	Setuju
	Maklumat media mengenai kadar jenayah di negara ini, membuatkan saya berasa selamat.	3.47	Setuju
Aspek Fizikal	Bangunan dan rumah terbiar di sekitar saya membuatkan saya berasa risau dan tidak selamat.	3.87	Setuju
	Kemudahan-kemudahan yang disediakan di sekeliling menitik beratkan aspek keselamatan.	3.77	Setuju
Penguat-kuasaan	Pemantauan berkala oleh pihak berwajib di persekitaran akan membuatkan saya berasa lebih selamat.	4.09	Setuju

Faktor	Instrumen	Purata Skor	Interpretasi
	Sistem Rondaan Sukarela (SRS) akan meningkatkan keselamatan di tempat saya.	4.08	Setuju

Purata skor keseluruhan bagi faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam juga menunjukkan bahawa purata skor bagi ketujuh-tujuh faktor berada di dalam julat setuju iaitu di antara 3.41 hingga 4.20. Dapatan ni menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, responden bersetuju dengan ketujuh-tujuh faktor sebagai faktor-faktor yang memengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteram awam pada tahun 2022

Jadual 4

Purata Skor Keseluruhan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Persepsi terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam.

Faktor	Purata Skor	Interpretasi
Demografi	3.81	Setuju
Kejiranan	4.01	Setuju
Pengalaman	3.67	Setuju
Psikologi	3.64	Setuju
Media	3.58	Setuju
Aspek Fizikal	3.82	Setuju
Penguatkuasaan	4.09	Setuju

Berdasarkan dapatan purata skor di atas (Jadual 4), inferensi yang boleh dibuat termasuklah orang awam menganggap ketujuh-tujuh faktor iaitu demografi, kejiranan, pengalaman, psikologi, media, aspek fizikal dan penguatkuasaan mempengaruhi persepsi mereka terhadap keselamatan dan ketenteraman awam. Faktor demografi seperti pegangan agama dan kekeluargaan merupakan antara penentu kepada tahap keselamatan sosial seseorang. Aspek-aspek seperti ini menjadi penyebab kepada suasana gembira dan bahagia yang wujud di kalangan masyarakat. Selain itu, aspek kejiranan dalam masyarakat mampu mewujudkan kawasan perumahan yang harmoni dan aman selain memupuk semangat kerjasama di kalangan anggota masyarakat. Faktor pengalaman juga berupaya mengancam keselamatan dan ketenteraman.

Sebagai contoh, pengalaman buruk yang dilalui oleh seseorang individu akan mengganggu kualiti hidup seseorang individu yang akhirnya akan meninggalkan kesan yang buruk terutamanya dari aspek keselamatan diri dan juga kesihatan. Faktor psikologi keselamatan juga banyak dibincangkan dalam kajian sebelum ini iaitu kesihatan psikologi menentukan tahap ketenteraman yang dirasakan oleh individu. Seterusnya, faktor fizikal seperti tahap kecerahan, tahap kebisingan dan jenis fasiliti awam yang disediakan di sekitar masyarakat boleh menyumbang kepada kegusaran orang awam dan mengancam ketenteraman awam. Akhir sekali, faktor penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa seperti rondaan berkala serta sekatan jalan raya mampu meletakkan standard atau batasan kepada tindak-tanduk individu dan undang-undang untuk mengekalkan dan mewujudkan ketenteraman dalam kalangan masyarakat. Penguatkuasaan seperti ini pada asasnya bertujuan untuk memberhentikan dan menghalang masyarakat daripada melakukan perkara yang jahat dan tidak bermoral.

Analisis Korelasi Kedudukan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Persepsi terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Analisis Korelasi Rank Spearman telah digunakan untuk melihat kedudukan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi indeks persepsi keselamatan dan ketenteraman awam. Nilai korelasi terletak di antara -1 hingga +1 di mana, semakin nilai korelasi menghampiri 1, maka, semakin kuat hubungan korelasi di antara pembolehubah. Jadual 5 menunjukkan interpretasi nilai korelasi (ρ) yang digunakan untuk menilai kedudukan setiap faktor yang dianalisis.

Jadual 5

Interpretasi Korelasi (ρ)

Nilai Korelasi (ρ)	Interpretasi
0.00 – 0.25	Hubungan sangat lemah
0.26 – 0.50	Hubungan cukup
0.51 – 0.75	Hubungan kuat
0.76 – 0.99	Hubungan sangat kuat
1.00	Hubungan sempurna

Jadual 6

Dapatan Analisa Korelasi Rank Spearman

Faktor	Korelasi (rho)
Kejiranan	0.90
Media	0.87
Penguatkuasaan	0.83
Demografi	0.76
Aspek Fizikal	0.61
Pengalaman	0.26
Psikologi	0.19

Signifikan: $p \leq 0.01$

Berdasarkan Jadual 6, nilai korelasi (rho) bagi ketujuh-tujuh faktor adalah signifikan iaitu $p \leq 0.01$. Dapatan analisis menunjukkan bahawa faktor kejiranan merupakan faktor yang paling mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam dengan nilai korelasi (rho) ialah 0.90. Faktor yang kedua dan ketiga ialah media dan penguatkuasaan dengan nilai korelasi (rho) sebanyak 0.87 dan 0.83. Kedudukan ini diikuti dengan faktor demografi dan aspek fizikal dengan nilai korelasi 0.76 dan 0.61. Faktor pengalaman dan psikologi berada di kedudukan yang keenam dan ketujuh dengan nilai korelasi 0.26 dan 0.19.

Melihat kepada kekuatan hubungan korelasi, faktor kejiranan, media, penguatkuasaan dan demografi menunjukkan hubungan yang sangat kuat dengan persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam pada tahun 2022. Faktor aspek fizikal pula menunjukkan hubungan kuat manakala faktor pengalaman dan psikologi masing-masing menunjukkan hubungan yang sangat lemah dengan persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam pada tahun 2022.

Analisis yang dijalankan telah membuktikan bahawa ketujuh-tujuh faktor yang cadangkan adalah signifikan dalam mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam. Di antara kesemua faktor, faktor yang dominan ialah kejiranan. Kawasan persekitaran seperti kejiranan merupakan perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam menjamin kesejahteraan orang awam (Azita, et al., 2015). Masyarakat yang mempunyai

semangat kejiranan, mampu menjamin keselamatan masyarakat setempat kerana jiran yang baik akan bersama-sama menjaga kawasan kediaman mereka daripada berlaku kejadian yang tidak diingini, seperti kejadian pecah rumah.

RUMUSAN DAN PENUTUP

Keselamatan dan ketenteraman awam merangkumi semua aspek dari pemeliharaan kelangsungan perlembagaan dan institusi agama, bangsa dan tanah air, pengukuhan keselamatan sempadan, menjamin keselamatan dan ketenteraman awam, memerangi ancaman dadah dan melindungi asset serta sasaran penting negara. Oleh itu, bagi mempertingkatkan kesejahteraan awam, aspek-aspek yang berkaitan dengan persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam perlu diberi perhatian. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang dikenalpasti mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam pada tahun 2022. Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan kesemua tujuh faktor iaitu kejiranan, demografi, pengalaman, psikologi, media, aspek fizikal dan penguatkuasaan mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam. Di antara kesemua faktor, faktor kejiranan merupakan faktor yang paling mempengaruhi keselamatan dan ketenteraman awam, manakala, faktor psikologi merupakan faktor yang paling kurang mempengaruhi persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam. Kajian ini dilihat berupaya untuk menjadi sumber rujukan ke arah meningkatkan kesejahteraan orang awam, selain dapat membantu pihak yang berkepentingan untuk mengambil inisiatif yang proaktif dalam membanteras jenayah-jenayah yang berlaku di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah, N. A., Mahmud, A. A. W., Sharipudin M. N. S., & Yusuf, Y., (2022). Filem dan Khalayak: Ancaman Keselamatan Negara. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jilid 38(1), 240255.
- Adler, G. J., Ortiz, S. E., Plutzer, E., Mayrl, D., Coley, J. S. & Sager, R. (2021). Religion at the frontline: Now religion influenced the response of local government officials to the Covid-19 pandemic. *Sociol Religious*, 23.
- Ainur Azreen, Z. & Jalaluddin, A. M. (2010). Keberkesanan program bandar selamat dari persepsi penduduk kajian kes: bandaraya Shah Alam. *Jurnal Teknologi*, 53(Sains Sosial), 13-34.
- Ball-Rokeach, S. J. (1985). The Origins of Individual Media System Dependency: A Sociological Framework. *Communication Research*, 12(4), 485-510.
- Bernamea (2020). Penyebaran berita palsu boleh gugat keselamatan negara - Lee Lam Thye. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyebaran-berita-palsu-boleh-gugat-keselamatan-negara-lee-lam-thye-232050>
- Bernamea (2021). Ramai pengguna internet tidak peduli kepentingan keselamatan siber – Cybersecurity Malaysia. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ramai-pengguna-internet-tidak-peduli-kepentingan-keselamatan-siber-cybersecurity-mal>
- Chadee, D. L., Austin & Ditton, J., (2007). The Relationship between Likelihood and Fear of Criminal Victimization.: Evaluating Risk Sensitivity as A Mediating Concept. *British Journal of Criminology*, 47 (1), 133-153.
- Farahah, R., Wan, S. W. S., & Mohammad, R. K., (2019). Ketakutan terhadap Jenayah dalam Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia: Analisa terhadap Faktor Penyumbang. *Kajian Malaysia* 37 (2), 147-171.

- Graham, C., Alexa, D., & Sarah, M., (2013). Factors Influencing Young People's Perceptions of Personal Safety on Public Transport. *Journal of Public Transportation*, 16 (1), 1-19
- Grinshteyn, E. G., Eisenman, D. P., Cunningham, W. E., Andersen, R. & Ettner, S. L. (2016). Individual and neighborhood level determinants of fear of violent crime among adolescents. *Family and Community Health*, 39(2), 103-112.
- Hanafi, K., & Rahim, M. H. A., (2017). Penggunaan Media Sosial dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Terbentuknya Gerakan Sosial Pemimpin Pelajar Universiti di Bandar Pekan Baru, Riau, Indonesia. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 12(2), 87-101.
- Hanslmeir, M., Kemme, S., & Baier, D., (2016). Victimization Fear of Crime and Life Satisfaction. *Representative Studies on Victimization: Research Findings from Germany*. (eds) 251-284.
- Haswira Nor, M. H., Nor Fadzlina, N., Ikmal Hisham, M. T., Mohd Amirul Akhbar, M. Z., Zaiha, A., Hariati, M., Norlaila, M. Z. & Mohd Rizaimy, S. (2022). Cadangan untuk meningkatkan persepsi keselamatan dan ketenteraman awam bagi kajian indeks persepsi keselamatan Malaysia (PSI) tahun 2021. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2), 41-90.
- Henson, B., & Reys., B. W., (2015). The Only Thing We Have to Fear is Fear Itself and Crime: The Current State of The Fear of Crime Literature and Where It Should Go Next. *Sociology Compass*, 9(2):91-103.
- Jalli, N., & Idris, I. (2019, November). Fake news and elections in Two Southeast Asian Nations: A comparative study of Malaysia general election 2018 and Indonesia presidential election 2019. In *International Conference on Democratisation in Southeast Asia (ICDeSA 2019)*, Atlantis Press.

- John, L. T. (2021, January 30). PKP: KRT, SRS Dibenar Beroperasi Hanya Untuk Aktiviti Tertentu. *Bernama*.
blis.bernama.com/index.php?mod=articles&opt=la&cid=1&scid=1&aid=8133240
- Kanyo, N. I., & Rahman, A. T. A., (2016). Pengalaman Terhadap Perlakuan Jenayah dan Keselamatan Pekerja Perusahaan Rumpai Laut di Semporna, Sabah: Satu Penemuan. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, Bil 24, 179-201.
- Lah, M. F. A. (2022, April 27). Polis Lipat Ganda Rondaan Ke Premis Berdaftar Dengan VSP, Balai Polis. *Bernama*.
blis.bernama.com/index.php?mod=articles&opt=la&cid=1&scid=1&aid=8372719
- Lane, J. & Meeker, J. W. (2003). Women's and men's fear of gang crimes: Sexual and nonsexual assault as perceptually contemporaneous offenses. *Justice Quarterly*, 20, 337-371.
- Mohd Azmir, M. N., Afi Roshezry, A. B. & Muhammad Shamshinor, A. A. (2021). Model bersepadu toleransi politik. 3rd Invention, Innovation, and Technology Competition (ITeC).
- Mohd Nasir, S., Fauziah, I., Salina, N., Norulhuda, S., Nasrudin, S., Azianura Hani, S., Shahrul Nazmi, S. & Zaizul, A. R. (2018). Keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR). *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 115-126.
- Mohd Syariefudin, A., Mohd Mahadee, I. & Mansor, M. N. (2013). Kesepaduan sosial dan kejiranan di kawasan rukun tetangga. *Jurnal Kinabalu*, 19, 53-75.
- Nizah, M. A. M., Bakar, A. R. A., & Zaman, W. K., (2020). Analisa Psikologi Keselamatan Terhadap Kes Ingkar Arahan Perintah Kawalan

Pergerakan Fasa 1- Fasa 5 Melalui Kerangka Maqasid Syariah. *3rd International Seminar on Islam and Science 2020*, 2020, 85–98.

Nizah, M. A., & Afi Bakar, A. R. A., (2021). Persepsi Belia Terhadap Keselamatan Diri Akibat Jenayah Bukan Fizikal di Malaysia. *Jurnal of Public Security and Safety Edisi Khas 2021*.

Nor Af'idah Rameli. (2014). Pengaruh persekitaran keluarga dan perumahan terhadap tingkah laku remaja di Ampang Jaya, Selangor (Master dissertation). Universiti Putra Malaysia.

Parker, K. D. & Ray, M. C. (1990). Fear of crime: An assessment of related factors. *Sociological Spectrum*, 10, 29-40.

PSI (2020). Kajian Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia (PSI) Tahun 2020. Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

PSI (2021). Kajian Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia (PSI) Tahun 2021. Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

Saleh, N., Zakaria, Z., & Ismail, S., (2017). Komunikasi Merentas Sempadan Kerja Melalui Teknologi dan Media Sosial: Kesan Terhadap Peningkatan Konflik Kerja-Keluarga. *Malaysian Journal of Information and Communication Technology*, 2(1), 33- 44.

Shirky, C. (2011). The political power of social media: Technology, the public sphere, and political change. *Foreign affairs*, 28-41.

Sualman, I. (2019). Angkara media sosial. <https://www.sinarharian.com.my/article/61925/KOLUMNIS/Angkara-media-sosial>

Subramanian, K. R. (2017). Influence of Social Media in Interpersonal Communication. *International Journal of Scientific Progress and Research*, 38(2), 70-75.

- Tamuri, A. H., & Hussin, N. H., (2017). Cabaran Pendidikan Islam di Era Media Sosial. *Malaysian Online Journal of Education*, 1(2), 37-43.
- Tan, N. (2021, October 15). DBKL Tambah 5,000 CCTV Di Sekitar Ibu Negara – Shahidan. *Bernama*.
blis.bernama.com/index.php?mod=articles&opt=la&cid=1&scid=1&aid=8269204
- Taylor, D., Bury, M., Campling, N., Carter, S., Garfield, S., Newbould, J., & Rennie, T. (2006). A Review of the use of the Health Belief Model (HBM), The Theory of Reasoned Action (TRA), The Theory of Planned Behaviour (TPB) and The Trans-Theoretical Model (TTM) to Study and Predict Health Related Behaviour Change. *In National Institute for Health and Clinical Excellence* (Issue June).
- Williams, C. K., Wynn, D., Madupalli, R., Karahanna, E., & Duncan, B. K. (2014). Explaining Users' Security Behaviors with The Security Belief Model. *Journal of Organizational and End User Computing*, 26(3), 23–46.
- Ziani, A. K. (2015). Using social media in the Bahraini 2014 Elections. A study on A Sample of Young People. *Journal of New Media and Mass Communication*, 37, 25-37.
- Zinalibdin, N., & Lyndon, N. (2017). Makna rasa selamat komuniti Malaysia dalam Program Skim Rondaan Sukarela: Kajian kes KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah (The meaning of safety in Malaysia's community development programmes: A case study of KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5).
- Zulfakar, M. H. (2022, July 15). Tangani ancaman kesihatan akibat projek perumahan terbiar. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/07/976569/tangani-ancaman-kesihatan-akibat-projek-perumahan-terbiar>

Cabaran Ketenteraman Awam dan Keselamatan Sewaktu Pilihanraya: Persepsi dan Pendirian Masyarakat Malaysia.

Kamarulnizam Abdullah, Muhammad Fuad Othman,
Zaheruddin bin Othman, Kamarul Faizal Hashim

ABSTRACT

The objective of this study is to identify and analyze Malaysian perception and attitude towards public order issues and security threats during the Malaysia's General Elections (GE). It can be argued that an increasing political tension and uncertainty since 2018 might have affected the conduct of the general elections. Furthermore, existing public order issues and security threats such as the pandemic, sabotage, external intervention, and terrorism might derail the electoral process. The study uses questionnaires survey for a period of five-month to achieve the above objective. The study focused on Peninsular Malaysia. A survey was conducted based on the zoning system – North, Middle, South, and East of the peninsular. The survey was supported by a series of interview sessions with subject matter experts. The interview was to assist researchers to understand, interpret, and analyse the survey data. A total of 413 respondents were involved either through face-to-face sessions or by filling in a Google form. This study found that, firstly, the probability of extremism or subversive attacks is low during elections. Secondly, COVID-19 threats continue to pose a major impact to the electoral processes. Thirdly, trust and confidence in the transparency of the electoral process still arises. Finally, respondents' perception and confidence on the electoral process are influenced by political tensions and manipulation during the election period, especially when racial and religious sentiments were exploited. Based on the findings above, this study has suggested short- and long-term strategies to the relevant stakeholders. This is to ensure that the electoral process continues to be conducted peacefully.

Keywords: *public order, national security, election security, General Elections, Malaysia.*

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis persepsi dan pendirian rakyat Malaysia terhadap ancaman kepada keselamatan Pilihan Raya Umum (PRU) di Malaysia. Ketidaktentuan dan pemanasan suhu politik Malaysia semenjak 2018 boleh memberi kesan kepada proses PRU di masa akan datang. Di samping itu, isu ketenteraman awam dan ancaman keselamatan sedia ada seperti ancaman pandemik, unsur-unsur sabotaj, campur tangan luar dan terorisme boleh menggagalkan proses pilihan raya. Bagi mencapai objektif kajian tersebut, satu kajian soal selidik selama lima bulan telah dijalankan. Fokus kajian pula hanya tertumpu di Semenanjung Malaysia sahaja. Soal selidik telah dijalankan berdasarkan empat zon – Utara, Tengah, Selatan dan Timur. Di samping itu, analisis data soal selidik ini dibantu oleh siri temubual dengan beberapa pakar bidang untuk membantu penyelidik dan menginterpretasi hasil kajian dengan lebih mendalam. Sejumlah 413 responden telah mengisi borang yang diedarkan secara bersemuka dan melalui *Google Form*. Kajian ini mendapati bahawa pertama, kemungkinan ancaman ekstremisme dan subversif berupaya menyebabkan tercetusnya keganasan sewaktu pilihan raya diadakan adalah rendah. Kedua, ancaman COVID-19 masih lagi mempunyai impak besar mempengaruhi bagaimana pilihan raya dijalankan di Malaysia di masa akan datang. Ketiga, kepercayaan dan keyakinan kepada ketelusan proses pilihan raya masih lagi timbul. Akhir sekali, persepsi dan pendirian responden mengenai isu keselamatan pilihanraya dipengaruhi oleh ketegangan dan manipulasi politik menjelang pilihanraya dalam konteks apabila ada pihak yang berkepentingan cuba membangkitkan isu-isu sentimen perkauman dan agama. Berdasarkan kepada hasil dapatan di atas, kajian ini telah mencadangkan kepada pemegang taruh yang terbabit untuk melaksanakan beberapa strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan proses pilihan raya terus dijalankan secara aman.

Kata Kunci: ketenteraman awam, keselamatan nasional, keselamatan pilihanraya, Pilihan Raya Umum, Malaysia.

PENGENALAN

Proses pilihan raya juga berhadapan dengan pelbagai halangan. Di sesetengah negara, pilihan raya mereka dicemari dengan pergaduhan dan penipuan pemilihan. Lebih buruk lagi ialah apabila isu keselamatan pilihan raya daripada serangan golongan subversif sehinggalah siri serangan letupan bom menyebabkan pilihan raya dibatalkan ataupun ditangguhkan. Kejadian sedemikian rupa menyebabkan timbulnya kegelisahan masyarakat yang boleh mengancam ketenteraman awam terutamanya apabila rakyat menilai proses demokrasi telah dicabar. Hak mereka sebagai rakyat untuk memilih kerajaan yang stabil telah disekat. Ini dapat dilihat di kebanyakan negara membangun seperti Ivory Coast, Zimbabwe, Filipina, dan Afghanistan yang berhadapan dengan ancaman keselamatan dan ketenteraman awam menjelang pilihan raya.

Selanjutnya, proses pilihan raya juga berhadapan dengan cabaran baharu semenjak akhir-akhir ini apabila dunia berhadapan dengan ancaman keselamatan kesihatan global dengan merebaknya virus COVID-19. Kekhawatiran tentang cepatnya penyebaran virus ini memberi cabaran besar kepada negara-negara demokrasi untuk mengadakan pilihan raya yang mesti dilakukan pada tempoh yang ditetapkan. Persoalan yang wujud ialah adakah proses pilihan raya boleh ditangguhkan tanpa mengubah perlembagaan? Bagaimana bentuk pilihan raya atau mekanisme baharu yang perlu dilakukan jika pilihan raya mesti ditangguhkan juga? Apakah kesannya kepada keselamatan rakyat apabila mereka terdedah dengan wabak tersebut sewaktu proses pilihan raya berlaku?

Cabaran-cabaran di atas memberi kesan kepada negara yang mengamalkan demokrasi seperti Malaysia untuk mengadakan pilihan raya umum yang dijangka akan diadakan tidak berapa lama lagi (Artikel ini ditulis pada tahun 2020). Walaupun kita masih belum berhadapan dengan ancaman keselamatan mahupun ketenteraman awam yang benar-benar serius dalam proses pilihan raya kecuali sewaktu Pilihan Raya 1969, pihak berkuasa tidak boleh berdiam diri terutamanya apabila berhadapan dengan ancaman keselamatan bentuk baharu. Impak Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang diadakan pada September 2020 telah memberi pengajaran kepada kerajaan,

parti-parti politik dan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) betapa bahayanya mengadakan pilihan raya sewaktu era pandemik berada di kemuncaknya. Penularan penyakit berjangkit yang merupakan salah satu daripada ancaman keselamatan bentuk baharu, perlu diberikan perhatian khusus. PRN Sabah dikatakan telah menyumbang secara ketara bilangan mereka yang dijangkiti COVID-19 (Mohd Ridzaudhin Roslan, 2020; Mohd Noor Yazid, 2020). Walaupun dalam beberapa PRN selanjutnya di Melaka dan Johor, *Standard Operating Procedure* (SOP) pilihan raya diperkenalkan dan diperketatkan, tetapi ianya tidak akan menjamin para pengundi tidak akan terdedah dengan virus tersebut. Di samping itu, ancaman keselamatan sedia ada seperti sabotaj, campur tangan asing, terorisme, dan serangan siber perlu dipantau secara berterusan agar tidak mengganggu proses pilihan raya negara ini.

Pilihan Raya Umum (PRU) adalah peristiwa penting dalam kalendar proses demokrasi negara. Di negara luar, PRU sering kali dicemari dengan pelbagai isu keselamatan dan ketenteraman awam seperti serangan pihak pemberontak, pencemaran peti undi, sekatan pihak tertentu menghalang pengundi untuk membuang undi. Walaupun Malaysia tidak berhadapan dengan kemungkinan serangan yang boleh mengancam nyawa pihak berkuasa dan pengundi itu sendiri, kajian awalan daripada laporan terpilih di Pilihan Raya Kecil (PRK) dan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah dan Melaka telah menunjukkan terdapat beberapa isu ketenteraman awam dan keselamatan yang memerlukan pendekatan pencegahan awal agar ianya tidak menjadi serius terutamanya dalam mengadakan PRU-15 kelak. Isu yang paling ketara ialah ancaman pandemik COVID-19 yang masih melanda Malaysia. Pandemik ini merupakan isu keselamatan global yang masih mengancam seluruh dunia.

Persoalan yang timbul ialah apakah gangguan keselamatan dan ketenteraman awam yang boleh menjejaskan proses pilihan raya berjalan, dan bagaimanakah cara untuk mengatasinya? Di samping itu, isu ketenteraman awam dan ancaman keselamatan sedia ada seperti unsur-unsur sabotaj, campur tangan luar, terorisme juga mempunyai kemungkinan yang boleh menggagalkan proses pilihan raya di Malaysia. Semenjak Pilihan Raya Umum (PRU) ke empat belas yang lalu, politik Malaysia dilihat tidak stabil dengan

penggantian kerajaan sebanyak tiga kali dalam tempoh yang singkat. Ketidaktentuan dan pemanasan suhu politik Malaysia boleh memberi kesan kepada proses PRU di masa-masa akan datang Pihak yang berkepentingan boleh menggagalkan proses pilihan raya untuk tujuan tertentu bagi mengganggu amalan demokrasi di Malaysia. Unsur sabotaj boleh berlaku dalam hal ini.

Oleh yang demikian, artikel bertujuan, pertama, mengenal pasti isu-isu berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam yang boleh menjejaskan proses PRU; kedua, menganalisis isu-isu yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam dalam mengadakan PRU; dan akhir sekali, mencadangkan bentuk mekanisme bagi mengatasi sebarang ancaman tersebut kepada proses PRU. Perlu ditekankan di sini bahawa kajian ini tidak melibatkan aspek kesan perubahan perempadanan pilihan raya ke atas pengurusan keselamatan dan ketenteraman awam.

ULASAN LITERATUR

Berdasarkan kepada kajian terdahulu, keselamatan pilihan raya merupakan antara cabaran polisi utama. Keganasan di dalam pilihan raya bukanlah juga sesuatu yang baharu di kalangan negara-negara maju. Di Perancis dan Britain, menurut Hafner-Burton, Emilie, Hyde, dan Jablonski (2013a), juga mengalami peristiwa keganasan pilihan raya secara berkala. Di Amerika Syarikat (AS) beberapa laporan mengenai keselamatan pilihan raya telah dikemukakan kepada Kongres negara tersebut, antaranya laporan yang dikemukakan oleh Garrett, Eckman, dan Shanton (2020) mengenai wujudnya ancaman kepada proses pilihan raya di negara tersebut. Kajian tersebut mengatakan bahawa Russia, China, Iran dan beberapa negara luar lain telah menggunakan medium popular untuk mempengaruhi persepsi dan pendirian rakyat AS dalam isu-isu tertentu. Musuh-musuh negara ini dikatakan telah mencapai maksud politik mereka dengan menggunakan kempen melalui sosial media, menjalankan operasi rahsia dengan melancarkan serangan kepada sistem e-undi di peringkat negara dan persekutuan. Laporan kajian tersebut mencadangkan agar Suruhanjaya Pilihan Raya negara tersebut mewujudkan pelan luar jangka bagi memastikan ancaman luar kepada proses pilihan raya

AS tidak berlaku lagi. Dapatan kajian ini amat penting untuk diselidiki dengan lebih lanjut dalam pilihan raya di Malaysia.

Bagi Johan Saravanmuttu (2009), keganasan sebagai satu instrumen kepada perubahan tidak pernah mendapat tempat di dalam proses pilihan raya di Malaysia kecuali di dalam PRU pada tahun 1969. Pada setiap kali berlakunya pilihan raya, terdapat proses adaptasi kepada perubahan dengan penekanan kepada elemen toleransi kepada isu yang dibangkitkan. Wong (2015) berhujah bahawa di Malaysia, keganasan dalam pilihan raya dapat “ditekan” (*suppressed*) oleh rejim yang berkuasa, terutamanya sewaktu pentadbiran Barisan Nasional kerana,

...[f]irst, it [state] may use its partiality to “divide and rule” civil society factions, a strategy the colonialists are often accused of. Second, it may use society’s general fear of political violence to showcase the value and necessity of strong government. These two tools can be deployed by the state at once by inducing threat of communal violence.

Beberapa negara dunia berhadapan dengan kempen ganas pilihan raya. Di benua Afrika, kempen pilihan raya sering membabitkan kekacauan dan mengancam ketenteraman awam. Di Ghana misalnya, parti yang terlibat di dalam pilihan raya secara sengaja menjadi dalang kepada siri keganasan sewaktu pilihan raya dengan menuduh musuh politik yang satu lagi yang memulakannya (Asamoah 2019, Adebayo 2016). Ini boleh menyebabkan musuh politik tersebut kalah atau penyertaan mereka dalam pilihan raya dibatalkan (Ijon 2020). Hal yang sama juga berlaku di beberapa negara lain di bumi Afrika seperti Nigeria (Okeye 2021, Alemika 2011, Human Rights Watch, 2004).

Artikel Hafner-Burton, Hyde, dan Jablonski (2013b) menarik perhatian dengan membincangkan bagaimana parti yang memerintah akan menggunakan instrumen keganasan sewaktu pilihan raya bagi memastikan mereka terus berkuasa. Menurut mereka ada terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan parti yang memerintah menggunakan taktik keganasan sebagai

langkah terakhir mengekalkan kuasa. Pertama, sesebuah negara akan mengalami keganasan dalam pilihan raya apabila ‘...*the incumbent government feels threatened by an organized and potentially powerful opposition.*’ (Hafner-Burton, Hyde, dan Jablonski, 2013: 175). Ini bermaksud akan terdapat kemungkinan besar parti yang memerintah akan kalah dalam pilihan raya. Kedua, kemungkinan gerakan protes besar-besaran terhadap parti pemerintah di atas kepercayaan ianya akan terus berkuasa. Dalam konteks ini, ianya memberikan rasional dan motivasi untuk parti yang memerintah menggunakan pendekatan kekerasan di terhadap mereka yang menentang mereka.

Walau bagaimanapun, kajian ini masih belum menemui karya-karya terdahulu yang benar-benar fokus kepada isu keselamatan dan ketenteraman awam pilihan raya di Malaysia. Ada terdapat beberapa karya mengenai keselamatan pilihan raya di beberapa negara di Asia Tenggara. Menurut Aspinall (2005: 121), negara Asia Tenggara yang berada dalam era pasca-otoritarian seperti Indonesia, Thailand, dan Filipina, berhadapan dengan politik elektoral yang,

... dominated by politico-capitalists who, often operating from provincial bases, have entered the political arena, bringing with them clientelistic patterns of internal party organization, systematic vote-buying and political corruption.

Di samping itu, karya oleh Linandut (1998), membicarakan transformasi proses pilihan raya Filipina tahun 1990an yang sebelum ini diwarnai oleh serangan terorisme yang menyebabkan pilihan raya umum di negara tersebut sering terganggu. Boleh disimpulkan bahawa beberapa negara di Asia Tenggara telah berhadapan dengan isu ketenteraman awam dan keselamatan pilihan raya terutamanya sewaktu transformasi politik menuju ke arah demokrasi sebenar.

Kajian mengenai pilihan raya Malaysia memang banyak terutamanya apabila selesainya sesuatu Pilihan Raya Umum (PRU) atau Pilihan Raya Negeri (PRN). Walau bagaimanapun, kajian tersebut mengenainya lebih

menjurus kepada pola pengundian (Muhammad M.N Nazri, 2019; Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining, & Kim Jong Eop, 2016; Tunku Mohar Mokhtar, 2008) atau isu polemik sewaktu pilihan raya (Mohd Azmir Mohd Nizah dan Afi Roshezry Abu Bakar, 2019; Rahim, 2019). Tetapi tiada lagi kajian pilihan raya di Malaysia yang memberi fokus secara khusus kepada aspek ketenteraman awam dan keselamatan.

Terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Norhayati Rafida Abdul Rahim dkk (2021) yang membincangkan praktis dan kekangan pengurusan pilihan raya semasa pandemik. Kajian kes mereka adalah pilihanraya di Chini, Slim River dan Sabah. Salah satu rujukan pendefinisian keselamatan pilihan raya kajian mereka yang ditawarkan adalah menggunakan Fisher (2002). Menurut mereka, Fisher (2002) mendefinisikan keselamatan pilihan raya sebagai,

... proses melindungi pemegang taruh pilihan raya seperti pengundi, calon, pengundian, petugas pilihan raya, media, dan pemerhati; maklumat pilihan raya seperti hasil undian, data pendaftaran pemilih, dan bahan kempen; kemudahan pilihan raya seperti tempat mengundi dan pusat pengiraan; dan peristiwa pilihan raya seperti kempen, proses pengundian, serta pengumuman keputusan pilihan raya (Norhayati Rafida Abdul Rahim, 2021: 62).

Namun demikian, perbincangan keselamatan pilihan raya yang dikemukakan agak sempit di mana ianya hanya menjurus kepada pengurusan sewaktu pilihan raya dalam era pandemik. Kajian ini akan menganalisis bukan sahaja memberi fokus kepada praktik pengurusan pilihan raya tetapi juga isu sebelum semasa, dan selepas pilihan raya. Tambahan pula, kajian ini meneroka persepsi dan pendirian rakyat Malaysia di Semenanjung dalam isu berkaitan ketenteraman awam dan keselamatan sewaktu pilihanraya.

PENDEFINISIAN KONSEP

Konsep keselamatan dan ketenteraman awam secara umum mempunyai maksud yang berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama. Kedua-duanya mempunyai tujuan mencapai satu tahap keamanan dan kestabilan. Ketenteraman awam merujuk kepada kestabilan sistem sosio-politik dan kemasyarakatan dalaman sesebuah negara. Keadaan sistem awam dinilai tenteram apabila masyarakat mempunyai perasaan selamat dari ancaman. Sebarang bentuk ancaman tersebut pula mewujudkan gangguan atau kewujudan sesuatu keadaan ketegangan yang boleh menyebabkan keresahan massa.

Keselamatan pula adalah satu konsep yang mempunyai konteks yang lebih luas. Jika ketenteraman awam dikaitkan dengan keselamatan untuk masyarakat, keselamatan mempunyai dua tahap analisis – keselamatan kepada negara (lebih dikenali sebagai keselamatan nasional) dan keselamatan insan. Sebagai contoh, konsep keselamatan nasional dikonseptualisasikan dengan latar belakang Perang Dingin antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Menurut Kamarulnizam Abdullah (2012: 5), keselamatan yang menggunakan analisis negara sebagai objek utama ini boleh dirujuk sebagai,

... memperkenalkan elemen nilai teras (*core values*). Setiap negara mesti mengidentifikasi nilai teras yang ingin dipertahankan. Walaupun nilai teras secara umumnya boleh dikenal pasti berdasarkan kepada konsep negara, nilai teras juga boleh berubah berdasarkan persepsi ancaman negara. (Kamarulnizam Abdullah, 2012: 5)

Pendefinisian beliau adalah lebih kepada *state-centric*. Pada era pasca perang dingin, konsep keselamatan telah dikonseptualisasikan semula dengan berpaksikan kepada kelangsungan hidup manusia. Oleh yang demikian, konsep keselamatan insan muncul.

Di dalam mengkaji dan membahaskan konsep keselamatan pilihan raya, kedua-dua konsep – ketenteraman awam dan keselamatan nasional diguna pakai secara berpilih ganti. Keselamatan nasional merujuk kepada keupayaan negara melindungi nilai-nilai teras pembentukan sesebuah negara, yang juga merangkumi aspek masyarakat atau rakyat sebagai salah satu teras utama. Sistem masyarakat yang stabil adalah kunci kepada keselamatan sesebuah negara. Di dalam memastikan keselamatan sesebuah negara dilindungi dan ketenteraman masyarakat (awam) stabil, negara mempunyai peranan yang penting- memastikan keamanan dipelihara.

Di samping itu, kajian ini juga menggunakan Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021-2025 dan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA). Dasar Keselamatan Negara menekankan sembilan teras yang perlu dilindungi manakala DKKA menekankan enam teras yang perlu dilindungi.

Kerangka pendefinisian kajian ini mengaplikasikan empat teras DKN iaitu kestabilan sosial-politik (Teras 2), kesepaduan nasional (Teras 3), tadbir urus yang baik (Teras 4) dan keselamatan rakyat (Teras 8). Di dalam DKKA pula, kajian ini akan menggunakan pakai tiga teras utama iaitu Teras 1: Mempertahankan Keluhuran perlembagaan, kedaulatan Undang-undang dan Institusi Utama Negara; Teras 2 : Meningkatkan Tadbir urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan; dan Teras 4: Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam.

METODOLOGI

Bahagian ini menghuraikan perlaksanaan kajian yang dilaksanakan. Kaedah yang digunakan bagi kedua-dua kaedah meliputi reka bentuk kajian, pensampelan, instrumentasi, kajian rintis, prosedur kajian dan analisis kajian.

1.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian telah diadakan antara pertengahan Januari sehingga pertengahan Jun 2022 dengan menggunakan pendekatan campuran iaitu menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Penggunaan kedua-dua kaedah tersebut membantu penyelidik menjawab tiga objektif kajian yang dikemukakan. Kedua-dua kaedah tersebut telah membolehkan penyelidik mendapatkan fakta

(kuantitatif) dan pandangan kenapa sesuatu isu yang dibangkitkan menyumbang kepada ancaman keselamatan dan ketenteraman menjelang pilihan raya (kualitatif).

Di dalam pendekatan kuantitatif, data telah diperoleh melalui soal selidik secara atas talian dan bersemuka. Kaedah kuantitatif meninjau persepsi, pendapat dan pendirian rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas mengenai ancaman keselamatan dan ketenteraman awam menjelang pilihan raya umum. Kaedah soal selidik yang digunakan membolehkan penyelidik mendapat lebih ramai responden dalam mengenal pasti isu keselamatan yang menjadi keresahan rakyat Malaysia menjelang sesuatu pilihan raya.

Pendekatan kualitatif digunakan bagi mendapatkan *input* lebih mendalam mengenai cabaran keselamatan dan ketenteraman awam pilihan raya. Temu bual berfokus dengan pakar bidang (*subject matter experts*) daripada Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR), agensi keselamatan berkaitan, parti politik dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) telah dilakukan bagi membantu penganalisan dan perbincangan kajian ini

Kaedah kualitatif juga menggunakan data sekunder yang terdiri daripada artikel akademik yang ditulis di dalam beberapa jurnal dan buku dari dalam dan luar negara. Data sekunder ini digunakan untuk meletakkan asas dan latar belakang perkara yang dikaji. Tujuan utamanya ialah bagi mendapat ringkasan yang komprehensif kajian terdahulu yang mana membantu penyelidik membentuk kajian terbaharu dalam fenomena yang dikaji sama ada dari segi pendekatan, isu mahupun reka bentuk penyelidikan yang digunakan.

1.2. Skop Kajian

Skop kajian hanya tertumpu di Semenanjung Malaysia sahaja. Kajian ini sukar untuk dikembangkan ke seluruh Malaysia kerana pertama, aspek ketenteraman awam dan keselamatan mempunyai perbezaan isu antara wilayah Borneo dan Semenanjung Malaysia. Kedua, oleh kerana permasalahan bajet, pengembangan kajian ke wilayah Borneo akan menyebabkan kos penyelidikan menjadi terlalu tinggi.

1.3. Pensampelan

Kajian soal selidik (survei) melalui 413 responden telah dijalankan berdasarkan zon penyelidikan yang dikenal pasti. Zon soal selidik dibahagikan kepada,

- i. Utara : Kedah, Perlis, dan Pulau Pinang
- ii. Tengah : Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Putrajaya dan Selangor
- iii. Timur : Kelantan, Pahang, dan Terengganu.
- iv. Selatan : Johor dan Melaka.

Soal selidik telah diadakan secara atas talian (Google Form) dan juga secara bersemuka. Hasil dapatan dari soal selidik ini telah diadunkan dengan temu bual pakar bidang bagi mendapatkan gambaran dan analisis sebenar subjek kajian.

Bilangan responden tidak menjejaskan *validity* atau kesahan data. Menurut Cohen, Manion & Morrison (2001), di dalam sesuatu kajian berbentuk soal selidik, apa yang penting ialah ralat pensampelan (*margin of error*) perlu berada pada tahap 5 peratus dengan aras kebolehpercayaan (*confidence level*) pada 95 peratus. Mereka juga menyatakan bahawa untuk setiap saiz populasi sebanyak 100,000 orang, saiz sampel yang diperlukan ialah sebanyak 383 orang. Jika populasi sebanyak 1,000,000 orang, maka saiz sampel yang diperlukan ialah sebanyak 384 orang. Berdasarkan panduan tersebut, oleh yang demikian, saiz sampel bagi kajian sebanyak 413 orang adalah mencukupi.

Sampel juga diperoleh melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual pakar. Informan pakar dalam kajian terdiri pula terdiri mereka yang terlibat di dalam agensi keselamatan, agensi berkaitan pilihan raya, institusi penyelidikan, dan NGOs. Secara umumnya, temu bual pakar telah membantu penyelidik menghuraikan dengan lebih mendalam data daripada soal selidik yang diperoleh.

1.4. Instrumen Kajian

Berdasarkan kepada masalah dan objektif satu borang soal selidik telah dibina oleh para penyelidik. Soal selidik yang digubal bertujuan untuk memungut data bagi menjawab objektif kajian. Pembinaan soal selidik adalah

berdasarkan kajian-kajian lepas dan pandangan daripada pakar bidang. Soal selidik yang digubal mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang meliputi demografi responden. Manakala bahagian B, C, D, E, F, dan G mengandungi soalan-soalan tertutup Skala Likert dengan menyediakan siri jawapan dari satu yang ekstrem (sangat tidak bersetuju) ke arah yang lain (sangat bersetuju). Skala Likert memberi ruang kepada para penyelidik mengumpul data yang memberikan corak (*pattern*) pandangan tentang isu keselamatan dan ketenteraman awam pilihan raya. Data yang diperoleh adalah lebih mudah untuk dianalisis secara statistik.

Setiap bahagian mempunyai sekurang-kurangnya 5 soalan. Bahan B menguji tahap pengetahuan pilihan raya responden. Bahagian C pula cuba mendapatkan pandangan responden mengenai ancaman dan gangguan kepada sistem pilihan raya, Bahagian D menguji tahap keyakinan responden kepada proses pilihan raya di Malaysia, manakala Bahagian E cuba mendapatkan tahap keyakinan responden kepada tahap penguatkuasaan dan undang-undang pilihan raya sedia ada. Bahagian F cuba mendapatkan pendirian responden mengenai pengenalan pengundian melalui atas talian (*e-voting*). Bahagian terakhir adalah mengenai *Standard Operating Procedure* (SOP) pilihan raya dan isu-isu yang boleh mengganggu proses pilihan raya akan datang terutamanya dalam era pandemik.

1.5. Ujian Rintis

Penyelidikan yang dijalankan merupakan satu kajian penerokaan kepada isu ketenteraman awam dan keselamatan pilihan raya di Malaysia. Kajian rintis telah diadakan di zon tengah, khususnya Selangor dengan 29 responden bagi menguji kesahan soalan yang dikemukakan. Aspek persepsi yang diuji termasuk isu ketenteraman awam yang mungkin timbul sewaktu proses mengadakan pilihan raya – sebelum, semasa, dan selepas pilihan raya. Soalan yang dikemukakan mempunyai tiga bahagian utama. Bahagian pertama merupakan data demografi responden. Untuk membuatkan responden selesa dengan soalan yang dikemukakan, identiti atau nama mereka tidak diperlukan. Soal selidik ini menggunakan *purposive samplings* yang mana responden dikenal pasti sebagai mereka yang layak mengundi. Soal selidik ini juga cuba memastikan sekurang-kurangnya 40-50 peratus responden adalah pengundi muda atau pertama kali mengundi. Bahagian kedua mengutarakan pendirian

politik responden. Bahagian terakhir pula menumpukan kepada aspek pengurusan ketenteraman awam dan keselamatan sewaktu pilihan raya.

1.6. Prosedur dan Analisis Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam tempoh lima bulan bermula pada pertengahan Januari 2022. Bagi kajian kuantitatif, pihak penyelidik telah melantik beberapa enumerator untuk menjalankan soal selidik. Enumerator telah diberikan penerangan tentang tatacara yang telah ditetapkan dalam melaksanakan kerja lapangan. Di kawasan kajian, penerangan ringkas tentang tujuan kajian ini diterangkan oleh enumerator sebelum responden menjawab soal selidik tersebut. Soal selidik tersebut telah dibina supaya jawapan yang diberikan tidak melebihi 20 minit. Oleh kerana kajian ini menggunakan *purposive sampling*, enumerator diminta memastikan responden muda berumur antara 18-21 tahun diwakili sekurang-kurangnya 40 peratus. Soal selidik atau soal selidik dijalankan secara terbuka di tempat awam seperti restoran dan pasar raya. Enumerator juga memohon kebenaran daripada pihak tertentu seperti ketua jabatan jika sekiranya soal selidik dijalankan di pejabat kerajaan atau swasta. Pihak ketua penyelidik menyediakan surat akuan enumerator bagi mengesahkan peranan mereka jika terdapatnya kesangsian oleh pihak berkenaan.

Bagi setiap zon, 3-4 enumerator dilantik berdasarkan lokaliti mereka. Mereka diberikan waktu seminggu untuk mendapatkan semula borang yang telah dicatat sama ada secara bersemuka atau diisi oleh responden dan kemudiannya dikutip semula oleh enumerator. Pihak penyelidik memastikan setiap zon menghantar sekurang-kurangnya 100 borang soal selidik yang lengkap. Ini juga bermakna enumerator mempunyai lebih daripada 100 borang yang diisi tetapi terpaksa disusun dan disisip untuk memastikan borang yang diperoleh adalah lengkap. Enumerator telah mendapatkan 413 responden.


Bagi pendekatan kualitatif, pihak penyelidik menghubungi pihak yang terbabit atau pakar yang dikenal pasti sama ada melalui e-mel ataupun telefon terlebih dahulu. Setelah persetujuan dicapai, ketua penyelidik akan menulis secara rasmi kepada pihak berkenaan. Untuk temu janji temu bual bersemuka dengan agensi atau kementerian yang berkaitan.

Di dalam pendekatan kualitatif ini, temu bual pakar telah dirakam suara dan ditranskripkan dalam bentuk dokumen oleh penolong penyelidik. Penyelidik menganalisis transkrip yang dihasilkan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menghasilkan tema-tema yang terbit daripada temu bual tersebut. Objektif kajian temu bual ini adalah untuk mendapat input tentang faktor penyebab dan penghalang terhadap pengetahuan, konteks, konsep, kesedaran (reaksi, inspirasi, dan peranan). Hasil dapatan kajian ini menjawab objektif 1 dan 2 kajian ini.


Secara ringkasnya, objektif 1 dan 2 kajian ini telah dapat dijawab melalui kajian kuantitatif (soal selidik), manakala, objektif 3 terjawab melalui analisis kandungan melalui temu bual pakar.


DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan data yang diperoleh melalui soal selidik yang diadakan di zon-zon yang ditetapkan, majoriti responden iaitu 60 peratus adalah terdiri mereka yang berumur di bawah 40 tahun (Rajah 1). Daripada kelompok tersebut 10 peratus adalah mereka yang berumur antara 18-20 tahun dengan majoritinya (41 peratus) berada di lingkungan umur antara 21-30 tahun. Golongan responden berumur antara 18-20 tahun ini mewakili pengundi baharu setelah Rang Undang-undang Undi 18 diluluskan melalui pindaan perlembagaan pada tahun 2019.




Lelaki mewakili 56 peratus responden (Rajah 2), manakala dari segi taburan etnik, bangsa Melayu mewakili 76 peratus dari keseluruhan responden, diikuti dengan bangsa India (12 peratus), dan China (11 peratus) (Rajah 3).







Majoriti responden adalah dari kawasan bandar (53 peratus). Selebihnya mewakili kawasan kampung (27 peratus) dan pinggir bandar (20 peratus) (Rajah 4).




Berdasarkan Rajah 5 pula, enam puluh lapan peratus responden mempunyai sekurang-kurangnya pendidikan di institusi pengajian tinggi yang mana 45 peratus mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda. Hanya satu peratus daripada kalangan responden tidak mempunyai pendidikan formal.




Bilangan responden yang tidak bekerja mewakili enam peratus responden (Rajah 6). Responden yang mewakili kategori pelajar dan mereka yang bekerja di sektor awam masing-masing mewakili 27 peratus dan 28 peratus daripada jumlah responden.



Pendapatan Isi Rumah Responden pula menunjukkan majoriti (58 peratus) daripada mereka adalah terdiri daripada golongan B40 yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM4,000 sebulan (Rajah 7). Hanya satu peratus sahaja responden mewakili mereka dari golongan T20 (berpendapatan melebihi RM15,000 sebulan).




Akhir sekali, kebanyakan dari responden telah mendaftar sebagai pengundi manakala selebihnya masih belum mendaftar (Rajah 8).




DAPATAN DAN ANALISIS KUANTITATIF MELALUI SOAL SELIDIK

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan daripada 413 borang soal selidik yang diperoleh. Perbincangan hasil dapatan tertumpu daripada Bahagian B sehingga G.



Bahagian B yang mempunyai lima soalan di mana ianya menilai, tahap pengetahuan dan keyakinan responden mengenai sistem pilihan raya di Malaysia. Dalam soalan pertama yang menguji tahap keyakinan responden, majoriti di kalangan mereka (51 peratus) percaya bahawa sistem pilihan raya di Malaysia tidak boleh dimanipulasikan (Rajah 9).



Soalan Kedua menguji pengetahuan responden mengenai had kelayakan mengundi. Apa yang menarik ialah 67 peratus responden masih belum mengetahui bahawa kelayakan untuk mengundi telah diturunkan kepada 18 tahun (Rajah 10).




Empat puluh tiga (43) peratus responden pula tidak mempunyai pengetahuan mengenai peranan antara Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen, manakala hanya 21 peratus sahaja yang mempunyai pengetahuan mengenai perbezaan tanggung jawab antara ADUN dan ahli parlimen (Rajah 11). Selebihnya (36 peratus) tidak pasti.




Di dalam soalan keempat, persepsi ketidakpercayaan responden terhadap proses pilihan raya Malaysia yang telus dan bersih hanya mencapai 39 peratus. Selebihnya (39 peratus) mempunyai sama ada tidak pasti ataupun tidak bersetuju dengan soalan tersebut (Rajah 12).


Kebanyakan responden (77 peratus) di dalam Rajah 13, bersetuju bahawa mereka mempunyai asas pengetahuan bagaimana untuk mengundi.



Bahagian C yang mempunyai lima soalan cuba mendapatkan pandangan responden mengenai ancaman atau gangguan yang wujud kepada proses pilihan raya di Malaysia. Di dalam soalan pertama, lebih separuh (53 peratus) daripada responden percaya bahawa proses pilihan raya di Malaysia mempunyai campur tangan pihak luar, manakala 31 peratus tidak pasti mengenai perkara tersebut (Rajah 14).




Lebih daripada separuh responden (68 peratus) percaya bahawa elemen gengsterisme, terorisme dan militan akan mengganggu PRU akan datang (Rajah 15). Mereka yang tidak pasti adalah lingkungan 20 peratus manakala selebihnya tidak bersetuju.




Majoriti daripada responden (73 peratus) juga percaya bahawa isu berkaitan manipulasi agama dan kaum boleh mengganggu kelancaran PRU akan datang (Rajah 16).

Rajah 16: Manipulasi isu agama dan perkauman memberi kesan kepada kelancaran PRU




Rajah 17 menunjukkan 69 peratus responden percaya bahawa parti dan ahli politik merupakan penyumbang terbesar kepada perpaduan Malaysia terutamanya sewaktu pilihan raya.


Rajah 17: Parti/ahli politik menyumbang kepada perpecahan perpaduan di Malaysia dalam pilihanraya




Majoriti responden juga percaya bahawa proses pilihan raya Malaysia boleh disabotaj oleh pihak yang berkepentingan (Rajah 18).




Bahagian D menguji tahap penglibatan responden dalam proses pilihan raya. Bahagian ini juga mempunyai lima soalan. Di dalam soalan pertama 79 peratus responden percaya bahawa undi mereka amat penting dan menyumbang kepada proses demokrasi negara (Rajah 19).




Lapan puluh lima (85) peratus daripada responden juga percaya bahawa keputusan pilihan raya amat penting bagi mereka (Rajah 20).




Di samping itu, mereka juga percaya (85 peratus) bahawa undi mereka boleh menentukan masa depan negara. Hanya dua (2) peratus sahaja tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut (Rajah 21).



Soalan keempat merupakan soalan yang hampir sama dengan soalan sebelumnya di atas. Namun 74 peratus tidak percaya bahawa penglibatan mereka dalam proses pilihan raya tidak penting (Rajah 22).




Majoriti daripada responden mempunyai keyakinan bahawa calon yang mereka pilih akan memberi perkhidmatan yang baik di kawasan mereka. Hanya 9 peratus sahaja yang tidak bersetuju (Rajah 23).




Bahagian E cuba mendapatkan pandangan dan persepsi responden mengenai tahap kesiagaan dan penguatkuasaan undang-undang sewaktu pilihan raya. Bahagian ini mengandungi lima soalan. Jawapan soalan pertama menunjukkan bahawa hanya 51 peratus daripada responden percaya bahawa undang-undang sedia ada dan penguatkuasaan yang dijalankan adalah memadai. Tiga puluh enam (36) peratus pula tidak pasti dengan pernyataan tersebut (Rajah 24).

Rajah 24: Undang-undang seperti Akta Pilihanraya sedia ada mencukupi mengawal keselamatan dan ketelusan pilihanraya




Di dalam membicarakan mengenai Akta Hasutan dan Akta Multimedia dan Komunikasi, 55 peratus percaya kedua-dua akta tersebut mampu mengawal ketenteraman awam dalam proses pilihan raya. Selebihnya (33 peratus) tidak pasti, manakala 11 peratus tidak percaya (Rajah 25).

Rajah 25: Akta Hasutan dan Akta Multimedia dan Komunikasi berupaya mengawal ketenteraman awam dalam proses pilihanraya




Walau bagaimanapun, 42 peratus responden tidak pasti sama ada Akta Kawalan Berjangkit mencukupi untuk digunakan sewaktu pilihan raya era


pandemik. Lima puluh (50) peratus pula percaya bahawa akta tersebut mencukupi (Rajah 26).




Majoriti daripada responden percaya bahawa agensi keselamatan seperti polis menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik sewaktu pilihan raya. Tujuh puluh lima (75) peratus menyokong pernyataan tersebut (Rajah 27).




Lima puluh enam (56) peratus responden juga percaya bahawa SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan bersama agensi kerajaan yang lain adalah jelas, manakala 33 peratus pula tidak pasti (Rajah 28).




Bahagian F cuba mendapatkan pendirian dan persepsi responden mengenai sistem undian atas talian (*e-voting*) yang dicadangkan oleh beberapa pihak. Secara umumnya majoriti daripada responden (54 peratus) bersedia untuk mengundi secara atas talian. Dua puluh tujuh (27) peratus pula tidak bersetuju dengan 19 peratus masih belum pasti (Rajah 29).




Responden, walau bagaimanapun agak berbelah bagi mengenai kemungkinan undi di atas talian akan bebas daripada unsur sabotaj (Rajah 30). Tiga puluh empat (34) peratus tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, 28 peratus tidak pasti, manakala 36 peratus pula bersetuju.




Responden juga berbelah bagi mengenai keupayaan Malaysia menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk melaksanakan undi atas talian. Hanya 40 peratus percaya negara mempunyai keupayaan, 34 peratus tidak pasti, dan 26 peratus tidak mempunyai keyakinan tersebut (Rajah 31).



Jawapan responden mengenai dua soalan di atas juga menunjukkan hasil jawapan yang hampir sama mengenai kesediaan SPR melaksanakan undi di atas talian (Rajah 32). Tiga puluh tujuh (37) peratus percaya kepada keupayaan SPR, 36 peratus tidak pasti, manakala selebihnya percaya SPR belum bersedia melaksanakan undi atas talian.




Pernyataan mengenai keselamatan undi atas talian juga menunjukkan jawapan yang hampir sama. Majoriti pengundi meragui jaminan keselamatan undi atas talian (38 peratus) jika dibandingkan dengan mereka yang mempunyai keyakinan terhadapnya (35 peratus). Dua puluh tujuh (27) peratus responden pula tidak pasti mengenai perkara tersebut (Rajah 33).




Bahagian G merupakan bahagian terakhir dalam soal selidik kajian ini. Bahagian ini mempunyai 13 soalan yang bertujuan mendapatkan pendapat, pendirian, dan persepsi responden mengenai SOP dan isu-isu pilihan raya.


Responden tidak menunjukkan keyakinan bahawa SOP kesihatan ketika berkempen adalah mencukupi. Empat puluh sembilan (49) peratus menyatakan ianya mencukupi, 36 peratus tidak pasti, manakala 14 peratus berpendirian tidak mencukupi (Rajah 34).




Walau bagaimanapun, majoriti daripada responden (51 peratus) berpendirian bahawa SOP sewaktu mengundi adalah dipatuhi, dibandingkan dengan masing-masing 38 peratus dan 10 peratus yang tidak pasti dan tidak bersetuju (Rajah 35).




Dari aspek pematuhan SOP pengundi ketika pilihan raya, 55 peratus daripada responden bersetuju bahawa SOP telah dipatuhi, manakala 30 peratus pula tidak pasti (Rajah 36).




Responden (84 peratus) juga percaya bahawa kehadiran anggota polis adalah penting dalam pilihan raya (Rajah 37). Hanya 5 peratus tidak bersetuju dengan kehadiran polis.




Majoriti responden (73 peratus) juga menyatakan keyakinan mereka untuk keluar mengundi dalam pilihan raya akan datang. Mereka yang tidak pasti adalah 22 peratus (Rajah 38).




Ketelusan dan kepercayaan terhadap sistem dan proses pilihan raya di kalangan responden agak bercampur. Tujuh belas (17) peratus tidak mempunyai keyakinan, 39 peratus tidak pasti, manakala 44 peratus pula yakin (Rajah 39).




Majoriti (58 peratus) di kalangan responden bersetuju bahawa penularan Covid-19 bukanlah alasan untuk tidak keluar membuang undi (Rajah 40). Hanya 14 peratus yang tidak bersetuju.




Kebanyakan daripada responden (41 peratus) tidak pasti mengenai keyakinan mereka terhadap integriti calon-calon pilihan raya yang bertanding jika dibandingkan dengan 37 peratus responden yang yakin dengan integriti calon (Rajah 41).




Majoriti responden menyatakan mereka memilih kekuatan calon daripada parti. Hanya 9 peratus yang memilih sebaliknya, manakala 25 peratus yang tidak pasti (Rajah 42).




Responden juga secara umumnya bersetuju bahawa tempoh kempen sedia ada adalah mencukupi dengan majoriti 64 peratus. Hanya 4 peratus tidak bersetuju manakala 32 peratus pula tidak pasti (Rajah 43).




Di samping itu, 78 peratus responden memerlukan maklumat yang lebih banyak mengenai calon-calon pilihan raya (Rajah 44).



Majoriti responden (87 peratus) percaya bahawa mereka mengundi demi kestabilan dan ekonomi negara (Rajah 45).



Majoriti besar di kalangan responden juga bersetuju bahawa mereka mengundi demi keadilan dan hak asasi. Hanya 2 peratus yang tidak bersetuju (Rajah 46).



Berdasarkan hasil dapatan mentah yang diperoleh daripada soal selidik di atas, analisis juga dibuat terhadap hubungan korelasi di antara pemboleh ubah berubah dengan pemboleh ubah malar (Penglibatan dalam Pilihan Raya). Ujian korelasi menunjukkan hasil dapatan seperti di bawah (Jadual 1).

Jadual 1

Hubungan korelasi di antara pemboleh ubah berubah dengan pemboleh ubah malar (Penglibatan dalam Pilihan Raya)

Pemboleh ubah Berubah	Nilai Koefisien Korelasi (ρ_{xy})	Keputusan
Isu-isu semasa pilihanraya	0.4916	Hubungan korelasi positif yang kuat
Ancaman/gangguan kepada sistem pilihanraya	0.2531	Hubungan korelasi positif yang lemah
Penguatkuasaan undang-undang	0.4750	Hubungan korelasi positif yang kuat
Pengetahuan berkaitan pilihanraya	0.3600	Hubungan korelasi yang sederhana
Pengundian atas talian	0.0863	Hampir tiada hubungan korelasi
Ketidakyakinan dengan proses pilihanraya	0.0432	Hampir tiada hubungan korelasi

Berdasarkan jadual keputusan analisis korelasi Pearson di atas, kajian ini mendapati bahawa penglibatan seseorang pengundi dalam proses pilihanraya di Malaysia mempunyai hubungan korelasi yang kuat dengan isu-isu semasa ($\rho_{xy} = 0.4916$, *korelasi positif yang kuat*) dan bagaimana penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan proses pilihanraya ($\rho_{xy} = 0.4750$, *korelasi positif yang kuat*) tersebut dijalankan.

Selain itu, pengetahuan berkaitan pilihanraya mempunyai hubungan korelasi yang sederhana ($\rho_{xy} = 0.3600$, *korelasi positif yang sederhana*) dengan penglibatan seseorang pengundi dalam proses pilihanraya di Malaysia. Manakala, ancaman/gangguan kepada sistem pilihanraya mempunyai hubungan korelasi yang lemah ($\rho_{xy} = 0.2531$, *korelasi positif yang lemah*) dengan penglibatan seseorang pengundi dalam proses pilihanraya.

Walau bagaimanapun, pengundian atas talian ($\rho_{xy} = 0.0863$, *hampir tiada hubungan*) dan ketidakyakinan dengan proses pilihanraya ($\rho_{xy} = 0.0432$, *hampir tiada hubungan*) didapati hampir tidak mempunyai hubungan korelasi dengan penglibatan seseorang pengundi dalam proses pilihanraya di Malaysia.

Secara asasnya, penglibatan seseorang pengundi dalam proses pilihanraya di Malaysia mempunyai hubungan yang kuat dengan isu-isu semasa yang dimainkan oleh pihak parti politik dan bagaimana pihak berwajib melaksanakan penguatkuasaan undang-undang berkaitan sesuatu proses pilihanraya.

Penglibatan seseorang pengundi dalam proses pilihanraya di Malaysia mempunyai hubungan yang sederhana dengan tahap pengetahuan pengundi dalam proses pilihanraya dan hubungan yang lemah dengan pemahaman pengundi mengenai ancaman/gangguan yang boleh berlaku terhadap sesuatu proses pilihanraya di Malaysia.

Akhir sekali, kajian mendapati pengundi merasakan negara masih belum bersedia untuk melaksanakan proses pengundian atas talian berdasarkan keputusan analisis yang diperolehi.

ANALISIS, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Perbincangan dan analisis kajian ini akan menumpukan kepada ketiga-tiga objektif yang diutarakan sebelum ini. Objektif pertama dan kedua ialah mengenal pasti dan menganalisis isu-isu berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam yang boleh menjejaskan proses PRU. Matlamat akhir keselamatan dan ketenteraman awam, sepertimana yang dibincangkan di dalam bahagian definisi, iaitu untuk mencapai satu tahap keamanan dan kestabilan. Di peringkat masyarakat keadaan tersebut akan meredakan keresahan masyarakat manakala di peringkat negara, kestabilan sistem dan kedaulatan negara akan sentiasa terpelihara.

Ancaman pandemik telah dilihat sebagai satu cabaran baharu keselamatan. Ancaman yang tidak nampak ini mempunyai impak yang besar akan mempengaruhi bagaimana pilihan raya kecil dan negeri dijalankan di Malaysia sewaktu era pandemik. Pilihan raya harus tetap diadakan bagi memastikan kesinambungan demokrasi dan kestabilan sistem dapat dilindungi. Oleh itu kerajaan telah memperkenalkan pelbagai mekanisme sebagai panduan atau SOP bagi memastikan proses demokrasi dapat diteruskan dan dalam keadaan yang sama ancaman kesihatan kepada rakyat dapat dibendung sepenuhnya.

Persoalannya adakah ancaman kesihatan seperti COVID-19 ini akan menjadi satu sumber permasalahan keselamatan dan ketenteraman awam negara? Pada satu ketika dahulu, penularan penyakit AIDS dilihat sebagai mengancam keselamatan manusia. Namun AIDS adalah satu penyakit berjangkit terpilih. Hanya mereka yang mengamalkan gaya hidup yang songsang atau terjangkit atas kesilapan manusia sahajalah yang akan dijangkiti. COVID-19 adalah satu penularan berbentuk massa, namun dengan kadar imunisasi negara yang semakin tinggi, pengembangannya telah dapat dibendung. Secara umumnya, pandemik COVID-19 merupakan satu ancaman kesihatan dan memberi kesan kepada keselamatan masyarakat. Penularannya boleh menjejaskan pilihan raya akan datang. (Zulraini Jusof, 2022; Khairi Bin Wan Hamdan, 2022) Dengan kemajuan teknologi kesihatan yang ada, penularan tidak dilihat sebagai satu ancaman yang berpanjangan kecuali varian baharu timbul yang boleh merebak dengan pantas. Berdasarkan sejarah

pandemik dunia, ancaman ini akan secara perlahan-lahan hilang atau boleh dibendung. Tetapi jika kawalan sedia ada masih gagal, maka proses PRU akan datang terpaksa menggunakan mekanisme preventif dengan SOP yang disesuaikan dengan keadaan semasa.

Persoalan yang timbul ialah jika penularan ini berterusan, adakah rakyat takut untuk keluar mengundi. Trend semasa menunjukkan bahawa kadar keluar mengundi berdasarkan pilihan raya negeri sebelum ini menunjukkan penurunan ketara. Jika ianya berlaku dalam PRU akan datang, maka proses demokrasi di Malaysia akan terancam apabila mereka yang memilih tidak mewakili jumlah keseluruhan pengundi yang berdaftar. Kajian ini tidak dapat menemukan korelasi kukuh. Sepertimana yang telah dijelaskan di dalam ujian korelasi di atas, kajian ini mendapati penglibatan pengundi dalam proses pilihan raya berkait rapat dengan isu-isu semasa yang dimainkan oleh pihak parti politik. Ianya juga berkait rapat dengan keyakinan pengundi terhadap pihak berwajib melaksanakan penguatkuasaan undang-undang berkaitan sesuatu proses pilihan raya. Kajian juga menunjukkan hubungan yang lemah antara pemahaman pengundi mengenai keselamatan dan ketenteraman awam dengan proses pilihan raya dijalankan. Perkara ini juga diperkuatkan dengan pendapat beberapa pakar yang mengatakan bahawa Malaysia telah berhadapan dengan pelbagai ancaman sebelum ini seperti komunisme dan konflik etnik, tetapi sehingga kini proses pilihan raya terus diadakan sepertimana yang dijadualkan.

Ancaman utama ialah kepercayaan kepada sistem pilihan raya itu sendiri yang boleh menyebabkan pengundi terutamanya generasi baharu tidak keluar mengundi dalam pilihan raya yang akan datang. Berdasarkan soal selidik keyakinan terhadap proses pilihan raya dan juga sama ada ianya boleh dimanipulasikan adalah agak seimbang antara tidak pasti dan yang bersetuju. Temu bual dengan beberapa pakar juga menunjukkan bahawa pihak yang berkenaan harus memainkan peranan yang lebih proaktif menolak sebarang prasangka terhadap ketelusan sistem pilihan raya di Malaysia. (Mohammad Redzuan Othman, 10 Mei, 2022; (Ismail bin Yusop, 2022; Muhammad Faisal Abdul Aziz, 2022; Muhammad Hafiz Rahim, 2022)

Aspek keyakinan dan kepercayaan kepada proses pilihan raya ini juga menjelaskan ketegangan yang wujud dalam proses pengiraan undi seperti halangan yang dibuat oleh penyokong parti untuk pihak SPR membawa peti undi ke pusat pengiraan berpusat setelah kiraan awal dilakukan. (Kasuahdi bin Ali, 2022)

Kepercayaan kepada pilihan raya juga ada kaitan dengan kesediaan pengundi terhadap sistem *e-voting*. Walaupun berdasarkan kepada kajian ini, responden terbuka kepada pengundian atas talian, tahap keyakinan kepada infrastruktur yang disediakan, keselamatan proses pengundian dalam pilihan raya, dan kepercayaan kepada ketelusan sistem daripada disabotaj masih lagi rendah. Oleh yang demikian, perang terhadap keyakinan rakyat Malaysia terhadap proses pilihan raya adalah kunci permasalahan ini. Agensi yang berkaitan seperti Cybersecurity mungkin telah bersedia untuk menggalas tanggungjawab ini tetapi sepertimana yang mereka juga nyatakan ianya tergantung kepada sistem dan platform yang digunakan. (Sazali Sukardi, 2022). Walaupun negara luar sudah memperkenalkan sistem ini, halangan seperti kos yang tinggi, kebolehupayaan sistem dari digodam, dan kesepaduan sistem sedia ada, perlu diatasi sebelum *e-voting* boleh diperkenalkan

Ancaman kepada proses pilihan raya di Malaysia harus juga dilihat dalam konteks masyarakat dan sistem bernegara yang diamalkan selama ini. Sepertimana sebuah negara membangun yang lain, keterterapan dan penyatupaduan masyarakat masih lagi merupakan permasalahan yang besar yang dihadapi oleh negara. Hubungan antara kaum masih lagi rapuh walaupun kerajaan cuba mengujudkan satu identiti Malaysia yang mewujudkan perpaduan. Oleh itu isu-isu identiti yang berkait dengan agama dan bangsa digunakan untuk kepentingan politik pihak tertentu. Pemimpin politik dan calon pilihan raya sehingga masih lagi menggunakannya sebagai alat politik meraih sokongan terutamanya sewaktu pilihan raya. Kaedah mengapi-api sentimen agama dan bangsa terutamanya melalui media sosial masih terus berlaku walaupun terdapat Akta Hasutan dan Akta Multimedia dan Komunikasi. Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia berpendapat bahawa ianya telah mencetuskan keresahan masyarakat. Kadangkala proses siasatan sukar mengidentifikasikan mereka yang cuba mencetuskan

ketegangan ini kerana menggunakan *Identification Protocol* (IP) dari luar negara (Sazali Sukardi, 2022)

Gengsterisme dan elemen subversif yang lain juga boleh mengganggu proses pilihan raya. Aspek ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana gengsterisme lebih digunakan sebagai strategi membeli undi kaum tertentu di dalam pilihan raya. (Ahmad Ramdhan, 2022) Kemungkinan timbulnya ancaman dari kumpulan pengganas di dalam pilihan raya akan datang di Semenanjung Malaysia adalah rendah kerana kesiagaan yang ditunjukkan oleh pihak PDRM di dalam berhadapan dengan ancaman tersebut semenjak era komunis lagi. Walaupun demikian terdapat kaveat di sini. Kemungkinan ancaman keganasan mungkin tidak timbul di Semenanjung Malaysia, di mana kajian ini dilakukan, namun pernyataan ini tidak terpakai untuk Sabah dan Sarawak (Elina Roslim, 2022). Sabah terutamanya berhadapan dengan pelbagai ancaman keselamatan yang timbul daripada gerakan subversif dari luar negara. Kumpulan seperti Abu Sayyaf, Daesh, dan *The Royal Army of Sulu Sultanate* adalah antara kumpulan yang boleh dan bersedia mengancam keselamatan proses pilihan raya di Sabah.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kajian ini mengusulkan beberapa cadangan bagi memastikan keselamatan pilihan raya berkesan dan ketenteraman awam dapat dilindungi di dalam PRU yang akan datang. Pihak berkuasa terbabit disarankan melaksanakan beberapa strategi jangka pendek dan jangka panjang.

Untuk strategi jangka pendek, kajian ini mencadangkan kepada pihak beberapa kementerian terbabit terutamanya Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan agensi berkaitan untuk memberi tumpuan kepada bebanan pemantauan pihak keselamatan terutamanya PDRM di dalam mengawal proses pilihanraya. SOP baharu yang diperkenalkan memerlukan pihak PDRM menambah bilangan anggota untuk mengawal pusat-pusat pengundian di seluruh negara dalam PRU akan datang. Oleh itu, pihak KDN harus merangka strategi tertentu di dalam meningkatkan keupayaan PDRM dalam hal ini seperti meningkatkan saiz perjawatan. Kedua, adalah disarankan pihak berkuasa yang terbabit mengenakan tindakan lebih serius kepada individu atau kumpulan yang masih lagi menggunakan isu agama dan bangsa sebagai alat

meraih undian sekali gus boleh mencetuskan keresahan masyarakat. Kementerian Dalam Negeri, dalam konteks ini disarankan bekerjasama dengan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dan Cybersecurity Malaysia untuk sentiasa memantau sebarang percubaan untuk mencetuskan kegelisahan di kalangan rakyat terutamanya di dalam media sosial. Peningkatan kerjasama bersepadu juga disarankan di dalam proses ini.

Ketiga, pihak Cawangan Khas dan Jabatan Siasatan Jenayah dan PDRM dicadangkan mengambil tindakan berterusan pengawalan ancaman kumpulan subversif, pengganas, kongsi gelap, dan gengsterisme. Mereka ini perlu sentiasa diawasi walaupun potensi serangan mereka di Semenanjung agak rendah.

Akhir sekali, kajian ini juga menyarankan agar penggubalan semula dan memperkemas RUU Akta 342 mengenai penyakit berjangkit. Penggubalan ini perlu dibawa semula ke Parlimen bagi memberikan hukuman yang lebih berat kepada mereka (orang perseorangan, organisasi ataupun syarikat) yang disabitkan di bawah RUU berkenaan. Adalah dikhuatiri bahawa jika sekiranya varian baharu muncul dan menyebabkan penularan lebih pantas, tahap kesediaan dan keupayaan Kementerian Kesihatan (KKM) akan berada di peringkat maksimum. Sewaktu ancaman pandemik di kemuncaknya, pihak KKM dan PDRM berhadapan dengan cabaran tekanan kerja lebih masa dan kepenatan melampau para petugas. SOP yang disediakan sering dilanggar terutamanya oleh pemimpin politik sepertimana pilihan raya negeri. Kompaun sedia ada terlalu rendah dan perlu dinaikkan pada kadar yang lebih munasabah.

Bagi strategi jangka panjang, kajian ini mencadangkan kepada kementerian terbabit untuk menyegerakan proses RUU kepada Akta Pendanaan Politik (*Political Funding Act*) bagi mengelakkan elemen campur tangan luar dalam proses pilihan raya. Penambahbaikan kepada Akta Komunikasi dan multimedia Akta Mesin Cetak dan penerbitan perlu dilakukan agar ianya relevan dengan kepesatan medium komunikasi semasa bagi membanteras ancaman penularan maklumat berbentuk provokasi, palsu

dan tidak bertapis yang tidak sesuai dengan keadaan sosiopolitik dan masyarakat Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) juga disarankan meningkatkan lagi, pertama, pengupayaan Akademi Pilihan Raya SPR. Peranan dan latihan perlu dikembangkan dan dilebarkan bukan sahaja kepada petugas SPR sahaja tetapi juga kepada masyarakat awam melalui jemputan secara terbuka mahupun melalui media sosial dan elektronik. Kedua, SPR juga disarankan untuk memperbanyak advokasi awam dengan agensi berkaitan dalam menerangkan betapa utuhnya proses dan prosedur pilihan raya sedia ada untuk mengelakkan defisit kepercayaan rakyat kepada semua agensi kerajaan yang terlibat dalam proses pilihan raya. Program Advokasi ini perlu memberi menekankan aspek kepentingan PRU dalam proses demokrasi. Siri Jerayawara (*Roadshow*) dicadangkan secara berkala kepada masyarakat umum bagi menyampaikan maklumat yang lebih tepat dengan menggunakan ikon masyarakat sebagai penyalur maklumat. Akhir sekali, program sosialisasi kepentingan pilihan raya perlu dipertingkatkan lagi kepada generasi muda untuk mengundi di dalam pilihan raya akan datang. melalui pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) yang berasaskan belia, media sosial seperti *TikTok* dan *Facebook*

RUJUKAN

- Adebayo, Joseph Olesgun (2016). "Fostering Non-Violent Elections in Africa Through Conflict Sensitive Reportage of Elections." *African Security Review* 25(3): 303-315.
- Ahmad Ramdzan, Ketua Penolong Pengarah (Penyelidikan dan Keurusetiaan) Timbalan Pengarah, Cawangan Khas, Putrajaya, 11 Mei, 2022
- Alemika, E. (2011). *Post-election violence in Nigeria: Emerging trend and lessons*. <http://Cleenfoundation.Blogspot.Com.Ng/2011/07/Post-Election-Violence-In-Nigeria.Html>
- Asamoah, Joseph Kwaku. (2018). Electoral Management in Africa: A Facade or Reality-The Case of Election Dispute Resolution Mechanism. *Public Policy and Administration Research*. DOI: 10.7176/PPAR.
- Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA). Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri Malaysia.
- Dasar Keselamatan Negara (DKN), 2021-2025. Putrajaya: Majlis Keselamatan Negara.
- Elina Roslim, Bahagian Keselamatan (K), Kementerian Dalam Negeri, 11 Mei, 2022.
- Fischer, J. (2002). *Electoral conflict and violence*. IFES. Washington, D.C.
- Garrett, R. S. Eckman, Sarah J. dan Shanton, Karen L. (2020). *Campaign and Election Security Policy: Overview and Recent Developments for Congress*. Library of Congress.
- Hafner-Burton, E. M., Hyde, S. D., & Jablonski, R. S. (2013b). When Do Governments Resort to Election Violence? *British Journal of Political Science*, 44(01), 149–179.

- Hafner-Burton, Emilie M., Susan D. Hyde, and Ryan S. Jablonski. (2013a). *Surviving Elections: Election Violence and Leader Tenure*. SSRN eLibrary. <http://ssrn.com/abstract51975026>.
- Human Right Watch (2004). *Nigeria's 2003 elections: The unacknowledged violence*. Available at: <https://www.hrw.org/reports/2004/nigeria0604/nigeria0604.pdf>
- Ijon, Frank Bitafir. (2020). Election Security and Violence in Ghana: The Case of Ayawaso West Wougou and Talensi By-elections. *Asian Research Journal of Arts & Social Sciences* 10(1): 32-46.
- Ismail bin Yusop, Pengarah Eksekutif Institut Darul Ehsan, 10 Mei, 2022
- Johan Saravanmuttu. (2009). Malaysia: Political Transformation and Intrigue in an election year (hlm 173-192). *Southeast Asian Affairs 2009*. ISEAS - Yusof Ishak Institute hlm. 173-192.
- Kamarulnizam Abdullah (2012). *Keselamatan Nasional Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Kasuahdi bin Ali. Timbalan Pengarah (Gerakan), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur, 14 Jun 2022.
- Khairi Bin Wan Hamdan, Pegawai Kesihatan Persekitaran, Sektor Inspektorat Dan Perundangan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya, 11 Mei, 2022
- Linantud, J.L. (Disember 1998). Whither guns, goons, and gold? The decline of factional election violence in the Philippines. *Contemporary Southeast Asia* 20 (3), 298-318.

- Mohd Azmir Mohd Nizah dan Afi Roshezry Abu Bakar. (2019). WhatsApp Election In Malaysia: Assessing The Impact Of Instant Messaging On Malaysia's 14th General Election. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9 (3). <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v9-i3/5643>
- Mohd Noor Yazid. (2020, Oktober 9). Ambil iktibar peningkatan kes COVID-19 pasca PRN Sabah. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/10/740020/ambil-iktibar-peningkatan-kes-covid-19-pasca-prn-sabah>
- Mohd Ridzaudidin Roslan (202, Oktober 6). PRN Sabah antara punca peningkatan kes covid-19. *Utusan Malaysia Online*. <https://www.kosmo.com.my/2020/10/06/prn-sabah-antara-punca-peningkatan-kes-covid-19/>
- Muhammad Faisal Abdul Aziz, Presiden Angkatan Belia Malaysia (ABIM), Gombak, Kuala Lumpur, 12 Mei, 2022
- Muhammad Hafiz Rahim, Bahagian Perang Saraf, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Putrajaya, 12 Mei, 2022
- Muhammad M.N Nazri. (2018). The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and Political Development in Malaysia, 1957-2018. *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 37 (3), 139-171. <https://doi.org/10.1177%2F186810341803700307>
- Norhayati Rafida Abdul Rahim, Nik Azmi Nik Omar, Norazam Mohd Noor, Safiyyah Ahmad Sabri, Nur Izzati Nadia Mohd. Dzolkifli, Norailis Ab Wahab. (2021). Praktis dan kekangan pengurusan pilihan raya era pandemik di Malaysia. *Journal of Public Security and Safety*, 12(3), 59-87.
- Rahim, S.A. (Ogos 2019). What can we learn about social media influence in the Malaysian 14th General Election? *Journal of Asian Pacific Communication* 29 (2), 264 – 280.

- Sazali Sukardi, Timbalan Presiden, CyberSecurity Malaysia, Cyberjaya, 10 Mei, 2022.
- Setiausaha, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Jawapan Bertulis, 17 Julai, 2022
- Tunku Mohar Mokhtar (2008). The Twelfth General Elections in Malaysia. *Intellectual Discourse* 16 (1), 89-100.
- Wong, Chin-Huat. (2015) Malaysia: cross-communal coalition building to denounce political violence. In *State-society relations and democracy in Southeast Asia and Turkey*, hlm. 96-128, edited by N. Ganesan and Colin Dürkop. Ankara KAS.
- Wong, Chin-Huat. (2015). Malaysia: Cross-communal coalition-building to denounce political violence. *Civil Society and Democracy in Southeast Asia*.
- Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining, & Kim Jong Eop. (2016). Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional fixed-deposit state? *Southeast Asia Review*, 26(3), 91-118.
- Zulraini Jusof, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Putrajaya, 11 Mei, 2022.

KEBERKESANAN PROGRAM BANDAR SELAMAT DI JOHOR MENGIKUT PANDANGAN PIHAK BERKUASA: HASIL DAPATAN ANALISIS KUALITATIF

Nur Huda Jaafar, Rashidah Mokhtar, Siti Afiqah Mohammad, Muhammad
Hazwan A Rahman

ABSTRACT

National security is one of the main interests of any country, including Malaysia, because it has a huge impact on various aspects, such as the harmony of the population and the confidence of foreign investors in the level of national security. Therefore, the Malaysian Government is very committed to the implementation of implementing national security empowerment. One of the programs involved is the Safe City Program. This program outlines three main strategies, which are (1) environmental design initiatives, (2) target hardening, and (3) management, community involvement and public awareness. A study of the effectiveness of this program has been made to ensure that the objectives of this program are achieved. This study focuses on the effectiveness of the Safe City Program in Johor. This study has used qualitative methods by focusing on three areas, namely areas under the management of Johor Bahru City Council, Iskandar Puteri City Council, and Pasir Gudang City Council. The informants of this study are those who are involved as authorities in the area involved. The results of this quantitative study found that the majority of respondents agreed that Strategies 1 and 2 helped a lot are helpful in achieving the objectives of the Safe City Program.

Keywords: *Safe City Program, Effectiveness, Authorities, Johor, Qualitative Analysis*

ABSTRAK

Keselamatan negara merupakan salah satu kepentingan utama mana-mana negara, termasuk Malaysia kerana ia memberi impak yang sangat besar dari pelbagai aspek seperti keharmonian penduduk dan keyakinan pelabur luar terhadap tahap keselamatan negara. Justeru itu, Kerajaan Malaysia sangat komited dalam pelaksanaan pemerkasaan keselamatan negara. Salah satu program yang terlibat adalah Program Bandar Selamat. Program ini menggariskan tiga strategi utama iaitu (1) merekabentuk persekitaran fizikan, (2) memperkasakan kawasan sasaran dan (3) pengurusan, penyertaan komuniti dan kesedaran awam. Kajian keberkesanan program ini telah dibuat bagi memastikan objektif program ini tercapai. Artikel ini memaparkan kajian keberkesanan Program Bandar Selamat di Johor. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dengan memfokuskan pada tiga kawasan yang melaksanakan program ini iaitu Kawasan di bawah kelolaan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Informan kajian ini adalah mereka yang terlibat sebagai pihak berkuasa kawasan terbabit. Hasil kajian kuantitatif ini mendapati majoriti responden bersetuju strategi 1 dan 2 banyak membantu mencapai objektif Program Bandar Selamat.

Kata kunci: Program Bandar Selamat, Keberkesanan, Pihak Berkuasa, Johor, Analisis Kualitatif

PENDAHULUAN

Keselamatan negara ada adalah satu aspek penting yang perlu diambil perhatian oleh mana-mana kerajaan kerana ia memberi impak yang besar dalam beberapa aspek. Antaranya tahap keamanan dan keharmonian penduduk dan tarikan terhadap pelabur luar bagi meningkatkan perkembangan ekonomi negara. Malaysia merupakan sebuah negara yang berusaha untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa terpelihara. Pelbagai inisiatif telah dibuat bagi tujuan ini. Antaranya adalah Program Bandar Selamat (PBS). Konsep bandar selamat berkait rapat dengan usaha mengekang jenayah, mengurangkan kebimbangan terhadap jenayah dengan mengambil kira konsep makro seperti bandar mampan, bandar berdaya huni dan bandar pintar (Lim, Malek, Kong, Tahir, & Hernowo, 2021). (Lim et. al., 2021).

Kerajaan telah melaksanakan PBS ini sejak tahun 2004 lagi hingga kini. Malahan, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM40 juta bagi melaksanakan program ini dari 2022 hingga 2025 di bawah Kementerian Dalam Negeri (Bernama, 2022). PBS 2022 – 2025 dirangka berdasarkan tiga strategi utama iaitu (1) mereka bentuk persekitaran fizikal, (2) memperkasakan kawasan sasaran dan (3) pengurusan, penyertaan komuniti dan kesedaran awam (Unit Khas NKRA Bandar Selamat, 2013). Strategi 1 melibatkan tiga komponen utama iaitu:

1. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor.
2. Perlaksanaan Rekabentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat (CPTED).
3. Pemetaan GIS jenayah dan program bandar selamat.

Manakala Strategi 2 mengandungi sembilan komponen utama iaitu:

1. Penyediaan balai polis tetap atau bergerak.
2. Penyediaan cermin keselamatan.
3. Penyediaan papan tanda peringatan jenayah.
4. Penyediaan penggera keselamatan.
5. Penyediaan tempat motosikal berkunci.
6. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di premis perniagaan dan tempat awam.
7. Pencahayaan.

8. Laluan awam tidak terlindung dari pandangan awam.
9. Penjanaan aktiviti bersesuaian di kawasan terdedah jenayah.

Strategi 3 pula terdiri daripada tiga komponen utama iaitu:

1. Pendidikan, kesedaran awam dan publisiti.
2. Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan.
3. Agenda tetap bulanan Mesyuarat Majlis Penuh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Bagi memastikan program ini mencapai objektif, kajian keberkesanan PBS telah dijalankan. Untuk artikel ini, tumpuan kajian adalah di kawasan yang terlibat dengan PBS di kawasan Johor di mana ia meliputi kawasan di bawah kelolaan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Artikel ini turut membincangkan kajian literatur, metodologi kajian dan hasil dapatan kajian.

KAJIAN LITERATUR

Proses perbandaran yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara dikenali sebagai urbanisasi (Rameli & Ramli, 2019). Malaysia berada dalam proses urbanisasi dan memerlukan idea serta polisi yang sesuai bagi mencegah pelbagai isu negatif hasil daripada proses tersebut. Antara isu yang menjadi fokus utama Kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan tersebut adalah peningkatan kadar jenayah, perlindungan alam sekitar, pencemaran, dan lain-lain (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2006). Hal ini kerana kepesatan urbanisasi boleh mengancam struktur keselamatan suatu kawasan sekiranya langkah proaktif tidak dilaksanakan. Tamsilnya, industri pelancongan yang merupakan salah satu sektor ekonomi utama pada abad ke-21 amat dipengaruhi secara negatif oleh aktiviti jenayah bagi sesebuah negara yang berkembang pesat (Mataković & Cunjak Mataković, 2019). Oleh yang demikian, penjagaan bandar yang rapi perlu dilaksanakan dengan sistematik bagi menjamin kelangsungan dan keselamatan penduduk untuk menjalankan kegiatan seharian.

Kewujudan PBS pada tahun 2004 telah menjadi salah satu inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertujuan untuk membanteras kegiatan jenayah telah dilaksanakan. Pada tahun 2013, inisiatif pemutihan kawasan *blackspot* telah diperkenalkan untuk mengurangkan kadar jenayah, seterusnya meningkatkan tahap rasa selamat dalam kalangan orang awam. Menurut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, istilah *blackspot* merujuk kepada kawasan yang mempunyai rekod jenayah tinggi serta menimbulkan perasaan tidak selamat.

Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2023) menunjukkan jenayah indeks di Malaysia yang merangkumi jenayah kekerasan dan jenayah harta benda mencatatkan penurunan sebanyak 4.1% dari tahun 2021 ke tahun 2022. Jenayah kekerasan terdiri daripada kes bunuh, rogol, samun dan mencederakan manakala jenayah harta benda pula meliputi kes pecah rumah dan curi, kecuriaan kenderaan serta kecurian lain. Namun begitu, terdapat beberapa daerah di zon Johor mempunyai peningkatan kes jenayah. Jadual 1 menunjukkan ringkasan jenayah indeks untuk kawasan di bawah kontinjen atau daerah Polis Diraja Malaysia sekitar zon Johor.

Jadual 1: Jenayah Indeks Mengikut Kontinjen, Daerah PDRM Zon Johor

Kontinjen / Daerah PDRM	Tahun	Jumlah	Jenayah kekerasan	Jenayah harta benda
Iskandar Puteri	2020	634	96	538
	2021	400	68	332
	2022	436	80	356
Johor Bahru Selatan	2020	1 491	226	1 265
	2021	759	150	609
	2022	946	213	733
Johor Bahru Utara	2020	1 006	246	760
	2021	547	162	385
	2022	502	148	354
Seri Alam	2020	1 315	197	1 118
	2021	889	163	726
	2022	783	134	649

PBS di Malaysia dilaksanakan mengikut garis panduan yang dirancang secara komprehensif. Inisiatif tersebut mengandungi komponen-komponen yang dapat membendung masalah jenayah. Lim *et al.* (2020) dalam kajiannya menekankan bahawa kawalan akses, mesyuarat majlis penuh dan pembinaan laman sesawang berkaitan status bandar adalah tiga komponen utama yang boleh mengurangkan kadar jenayah. Kerajaan Persekutuan telah menjadikan PBS di Malaysia sebagai satu platform yang melibatkan pelbagai kementerian dan perkongsian agensi, yang diketuai oleh Datuk Bandar di setiap PBT untuk membincangkan agenda tertentu dalam mesyuarat majlis penuh. Usaha ini dilaksanakan dengan tujuan mengurangkan kadar jenayah melalui memperkasaan pemerikasaan kawasan sasaran, inisiatif secara fizikal dan penglibatan orang awam. Hal ini dapat disokong oleh Hj. Anuar dan Khalifah (2012) yang menyatakan bahawa semua pihak berkuasa tempatan serta semua pihak pelaksana yang terlibat perlu berganding bahu dalam usaha mengurangkan peluang berlakunya sesuatu jenayah. Oleh itu, suara dan pandangan mereka juga perlu dalam mengkaji keberkesanan PBS di Malaysia, terutama di zon Johor.

METODOLOGI KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah bagi melihat keberkesanan PBS di negeri Johor mengikut pandangan pihak berkuasa. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini di mana sesi perbincangan kumpulan berfokus/ *Focus Group Discussion* (FGD) telah dijalankan bersama informan yang terdiri daripada wakil pihak berkuasa di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Sebanyak 12 informan telah terlibat dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan maklumat pengumpulan data kajian.

Jadual 2: Maklumat Pengumpulan Data Kajian

Kawasan	Kategori informan	Jumlah
Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)	Wakil Ibu Pejabat Daerah (IPD):	
	IPD Johor Baru Selatan	2 orang
	Wakil PBT MBJB	2 orang
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP)	Wakil Ibu Pejabat Daerah (IPD):	
	IPD Johor Baru Utara	1 orang
	IPD Iskandar Puteri	2 orang
	Wakil PBT MBIP	2 orang
Majlis Bandaraya Pasar Gudang	Wakil Ibu Pejabat Daerah (IPD):	
	IPD Seri Alam	2 orang
	Wakil PBT MBPG	1 orang
JUMLAH INFORMAN		12 orang

Sesi FGD ini telah dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu wakil IPD dan wakil PBT. Kesemua sesi ini telah dirakam setelah mendapat keizinan dari para informan. Rakaman sesi temubual ini kemudiannya ditranskripsi bagi membuat analisa dapatan.

HASIL DAPATAN

Bahagian ini melaporkan dapatan hasil dari sesi FGD bagi kajian keberkesanan PBS di Negeri Johor. Analisis kualitatif digunakan bagi mencapai tiga objektif kajian yang telah ditetapkan. Tiga objektif kajian yang telah disasarkan iaitu:


- Mengenal pasti dan menganalisis keberkesanan PBS yang telah dilaksanakan di tiga kawasan PBT Johor Bahru
- Mengenal pasti amalan terbaik bagi pengurusan dan pelaksanaan PBS di Johor Bahru
- Mencadangkan penambahbaikan terhadap PBS bagi memastikan kesannya yang lebih efektif dan menepati objektif program.

Bagi mencapai objektif kajian PBS, soalan-soalan temubual FGD adalah berkisar tentang kefahaman awal para informan FGD berkenaan PBS, pelaksanaan dan pengurusan serta keberkesanaan ketiga-tiga strategi, isu dan cabaran dalam melaksanakan strategi-strategi tersebut dan mengenalpasti komponen dalam strategi - strategi strategi-strategi yang paling berkesan dalam menangani perlakuan jenayah.

Sesi bersama para informan FGD telah dirakamkan secara audio dan video. Proses analisis data temubual telah dilakukan secara manual dan juga menggunakan aplikasi *Transkriptor*. Selain daripada proses transkripsi perbualan rakaman audio, kami juga melihat rakaman video untuk mengetahui reaksi responden ketika menjawab soalan-soalan yang diajukan. Rajah 1 menunjukkan proses analisa data daripada sesi temubual bersama para informan FGD.

Setelah sesi temubual ditranskripsi ia kemudiannya dianalisa dianalisis menggunakan teknik tematik (*Thematic*). Dapatan daripada analisis teks sesi temubual disusun mengikut informan dan dilabelkan. Kemudian teks tersebut dikategorikan mengikut tema yang telah diselaraskan kepada Strategi 1 (merekabentuk mereka bentuk persekitaran fizikal), Strategi 2 (memperkasa kawasan sasaran) dan Strategi 3 (pengurusan, penyertaan komuniti dan kesedaran awam).

Rajah 1: Proses Analisis Data



Contoh data yang telah ditranskripsi dari sesi FGD bersama informan IPD berdasarkan soalan berikut:

Soalan:

Strategi 1 ini terdiri daripada 3 komponen utama, iaitu:

- Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor
- Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Fizikal yang Selamat (CPTED)
- Pemetaan GIS jenayah dan program bandar selamat

Berdasarkan pandangan anda, di antara ketiga-tiga komponen tersebut, yang manakah yang paling utama/berkesan dalam menangani perlakuan jenayah?

Jawapan daripada 4 orang informan IPD yang telah diterjemahkan:

FGD-IPDJBS01 menerangkan bahawa kadar jenayah kini semakin menurun menunjukkan inisiatif PBS adalah berkesan. Beliau menyatakan komponen paling berkesan adalah pemetaan GIS.


FGD-IPBJS02 juga bersetuju bahawa pemetaan GIS berkesan mengawal kadar jenayah namun sistem tersebut tidak lagi digunakan kerana tidak dikemaskini dan ia melibatkan bajet yang tinggi.

FGD-IPDPG01 dan FGD-IPDPG02 menyatakan pemetaan GIS dan penggunaan CCTV adalah paling berkesan mengurangkan kadar jenayah. FGD-IPDPG01 mengharapkan peruntukan terutamanya untuk CCTV diberikan kepada IPD agar kemudahan ini dapat digunakan di tempat-tempat yang masih mempunyai kadar jenayah yang tinggi.

Seterusnya, transkripsi temubual dimasukkan ke dalam templet analisa teks mengikut tema. Rajah 2, Rajah 3 dan Rajah 4 adalah contoh templet analisa teks mengikut tema bagi informan FGD dari IPD. Manakala Rajah 5, Rajah 6 dan Rajah 7 templet bagi informan FGD dari PBT.

Rajah 2 melaporkan bahawa pelaksanaan rekabentuk persekitaran fizikal yang disediakan mengikut garis panduan yang selamat namun masih tidak menyeluruh di semua kawasan. Sistem pemetaan GIS pula tidak lagi digunakan kerana masalah kos penyelenggaraan yang tinggi. Informan mengatakan sistem ini amat bagus kerana ia mampu memetakan rekod jenayah secara tepat di sesuatu kawasan. Dengan itu, mudah untuk mengenal pasti kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang meningkat.

Rajah 2: Contoh analisis data informan IPD berkaitan dengan Strategi 1 (Mereka bentuk Persekitaran Fizikal)




Secara keseluruhannya, kemudahan fizikal yang disediakan di kawasan sasaran menyokong PBS tetapi kemudahan seperti papan tanda peringatan jenayah masih kurang dan penggera keselamatan hanya di tempat tertentu sahaja. Informan FGD juga menyatakan bahawa penyediaan tempat motorsikal berkunci tidak diselenggara dengan baik serta tidak digunakan sepenuhnya oleh orang awam. Pemasangan CCTV pula tidak disediakan di kawasan 'hotspot' yang baharu. Menurut informan FGD-IPDJBS02, kini negeri Johor sedang mengujilari *Smart CCTV* untuk menambahbaik kemudahan CCTV sedia ada. Rajah 3 menunjukkan butiran terperinci daripada analisis temubual berkaitan dengan kemudahan kawasan sasaran.

Rajah 3: Contoh analisis data informan IPD berkaitan dengan Strategi 2 (Memperkasakan Kawasan Sasaran)

	FGD-IPDJBS01	FGD-IPDJBS02
Penyediaan Balai Polis Tetap/Bergerak	Ada tapi tidak mencukupi. pemaju perlu wujudkn 1 pondok polis / tp skrg lebih kepada pondok guard	balai polis ada - yg terbaru guna van bergerak yang ada smart camera
Penyediaan Cermin Keselamatan	cermin keselamatan ada dan perlu di tempat sekolah	cermin keselamatan ada dan perlu di tempat tertentu
Penyediaan Papan Tanda Peringatan Jenayah	Ada papan tanda. Semasa bertugas sebagai Ketua Balai Polis Gemas, pernah mewujudkan papan maklumat anggota bertugas di masjid, restoran dan tempat awam lain	ada papan di tempat tertentu, tapi ada tanggapan awam jika ada papan tanda jenayah bermakna kawasan itu tidak selamat
Penyediaan Penggera Keselamatan	Tiada di kawasan taman	Penggera keselamatan swasta
Penyediaan Tempat Motorsikal Berkunci	Ada tapi tidak digunakan dan ada yang rosak	Ada
Pemasangan Kamera Litar Tertutup [CCTV]	CCTV di kawasan hotspot yang baru tiada	CCTV ada dan terkini ada smart CCTV 2 unit di JB
Pencahayaan	Masih ada kawasan yang perlu ditambah	Pencahayaan ada dan perlu lampu kelip untuk kawasan yang bahaya menggunakan solar
Laluan Awam	Laluan awam tidak tersembunyi	Laluan awam ok
Penjanaan Aktiviti	Ada aktiviti bersama komuniti	Ada dilaksanakan aktiviti


Rajah 4 merupakan hasil analisis berkaitan dengan keberkesanan PBS melalui kesedaran awam, rondaan dan mesyuarat bersama PBT. Informan bersetuju bahawa kesedaran dan penglibatan org orang awam amat penting untuk mengurangkan kadar jenayah. Di samping itu, rondaan daripada pihak polis juga penting terutama di kawasan mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Manakala mesyuarat bersama PBT juga diadakan setiap bulan bagi membincangkan isu keselamatan bersama pihak polis, ahli Majlis dan pihak yang berkaitan.

Rajah 4: Contoh analisis data informan IPD berkaitan dengan Strategi 3 (Pengurusan, Penyertaan Komuniti dan Kesedaran Awam)




Seterusnya, analisis daripada temubual bersama informan PBT. Informan PBT menyatakan untuk memahami senario perlakuan jenayah, data jenayah diperolehi daripada pihak polis. Data tersebut digunakan untuk menentukan kawasan yang terlibat dengan PBS. Rajah 5 menunjukkan reka bentuk fizikal yang disediakan oleh pihak PBT seperti laluan pejalan kaki, penyediaan *bollard*, rel penghadang, tanaman landskap, laluan motorsikal khas dan garis panduan pelaksanaan PBS. Namun kemudahan seperti penyediaan rel penghadang dan tanaman landskap terhad di kawasan bandar sahaja.

Rajah 5: Contoh analisis data informan PBT berkaitan dengan Strategi 1 (Mereka bentuk Persekitaran Fizikal)



Menurut informan PBT, balai polis tetap diwujudkan tetapi masih tidak mencukupi kerana jarak yang jauh. Pondok polis atau balai polis bergerak pula kebanyakannya telah dirobohkan disebabkan kekurangan anggota untuk mengawal. Kemudahan cermin keselamatan juga penting bagi kawasan yang terlindung manakala pemasangan kamera lita litar tertutup CCTV pula melibatkan kos yang tinggi. Informan juga memaklumkan bahawa kemudahan tempat motorsikal berkunci tidak digunakan dengan baik oleh orang awam. Pihak PBT membuat rondaan bagi memantau fasiliti yang disediakan dan memastikan dalam keadaan baik. Rujuk Rajah 6 untuk analisis terperinci.

Rajah 6: Contoh analisis data informan PBT berkaitan dengan Strategi 2 (Memperkasakan Kawasan Sasaran)



Hasil daripada temubual bersama informan PBT berkaitan dengan Strategi 3 dilaporkan seperti Rajah 7. Secara umumnya, kesedaran awam tentang PBS masih rendah dan kurang mendapat sambutan. Masyarakat setempat kurang melibatkan diri dalam program yang dianjurkan oleh pihak PBT berkaitan dengan kesedaran tentang jenayah yang berlaku. Aktiviti rondaan oleh pihak polis dilihat sebagai salah satu cara yang berkesan mengurangkan kadar jenayah. Begitu juga mesyuarat bulanan PBT dilihat berkesan mengurangkan kadar jenayah.

Rajah 7: Contoh analisis data informan PBT berkaitan dengan Strategi 3 (Pengurusan, Penyertaan Komuniti dan Kesedaran Awam)



Hasil dapatan yang telah diproses, diterjemah setiap satu dan dipetakan kepada objektif kajian yang ditetapkan. Bahagian seterusnya akan membincangkan hasil dapatan kajian serta merungkai persoalan kajian ini.

ANALISA ANALISIS PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan secara lebih terperinci mengenai tahap keberkesanan PBS di Johor Bahru mengikut pandangan pihak berkuasa. Berikut merupakan analisis perbincangan hasil dapatan daripada sesi perbincangan tersebut.

Bagi mengenal pasti amalan terbaik PBS melalui tiga (3) strategi, menurut informan IPD daripada MBBJ, MBIP, MBPG serta informan PBT dari MBBJ dan MBIP, mereka sebulat suara memilih Strategi 2 iaitu memperkasakan kawasan sasaran. Bagi informan ini, Strategi 2 merupakan tunjang utama dalam memastikan keberkesanan PBS ini. Antara yang perlu dibuat untuk memperkasakan kawasan sasaran adalah seperti menambah baik pencahayaan, pemasangan *CCTV*, kekerapan rondaan anggota polis serta membersihkan semak samun di sesuatu kawasan. Selain itu informan daripada PBT, MBBJ dan MBPG juga menegaskan bahawa Strategi 1 juga memainkan peranan yang amat penting dalam amalan terbaik PBS iaitu mereka bentuk persekitaran fizikal (*CPTED*) seperti pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan bermotor.

Untuk memastikan strategi-strategi ini boleh dicapai, sudah pasti terdapat isu dan cabarannya yang tersendiri. Antara isu yang timbul adalah, menurut informan IPD daripada MBBJ, MBIP dan MBPG, sememangnya tahap kesedaran kepentingan PBS dalam kalangan komuniti masih dilihat kurang memberangsangkan. Komuniti kurang memberi sambutan dalam program-program yang dilaksanakan. Sikap kurang ambil tahu mengenai PBS dikalangan di kalangan komuniti menyukarkan bagi mengekalkan keberkesanan program ini di aras paling tinggi. Selain itu, walaupun dilihat Strategi 2 merupakan amalan PBS yang paling berkesan menurut informan IPD daripada MBBJ, namun isu kekurangan anggota polis untuk melaksanakan rondaan amat kritikal sekali, jadi bagaimana hendak memastikan keselamatan penduduk sekitar berada dalam keadaan terkawal?

Isu yang paling kritikal menurut informan daripada ketiga-tiga Majlis Bandaraya yang terpilih ini (MBJB, MBIP dan MBPG) ialah mereka mengalami isu kewangan. Banyak perkara dilihat tidak dapat dilaksanakan akibat kekangan kos antaranya adalah kos penyelenggaraan, kelengkapan logistik yang lama tidak dapat diganti. Menurut informan PBT daripada MBIP, Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) tidak lagi boleh dicapai seterusnya menyukarkan pihak PBT membuat analisis jenayah di kawasan *hotspot/blackspot*. Informan PBT daripada MBIP pula ada menyatakan, walaupun ada juga peralatan PBS yang telah disediakan tetapi malangnya tidak digunakan sebaiknya oleh komuniti.

Isu keselamatan negara daripada jenayah jika dilihat dari skala yang besar, kesemua informan IPD dan PBT dari ketiga-tiga Majlis Bandaraya di Johor ini bersetuju bahawa PBS ini dilihat berkesan kerana item-item dan strategi PBS telah diuruskan dengan baik. Ini terbukti kerana terdapat penurunan kes jenayah. Oleh itu dapat dirangkumkan di sini bahawa, Malaysia bebas dari sebarang ancaman yang wujud dari dalam, mahupun luar negara.

Melalui perbincangan ini, terdapat penambahbaikan yang perlu diberi perhatian pihak atasan demi memastikan keberkesanan PBS di Johor berada di tahap cemerlang. Mengikut pandangan daripada kesemua informan daripada IPD dan PBT di Johor Bahru, isu peruntukan kewangan harus diselesaikan. Rata-rata berpendapat bahawa, jika peruntukan mencukupi dan dapat disalurkan dengan baik, pelbagai perkara boleh diselesaikan di peringkat Majlis Bandaraya di Johor Bahru ini. Dengan kewangan yang cukup ianya sekaligus dapat membantu memastikan keberkesanan PBS di sesuatu kawasan itu dapat dicapai. Dengan adanya peruntukan kewangan ini, pelbagai program kesedaran, kempen pencegahan jenayah kepada komuniti dapat dilaksanakan melalui pelbagai platform antaranya media sosial, termasuk pendidikan keselamatan di sekolah.

Selain daripada itu, kerjasama yang kuat antara pelbagai pihak (IPD, PBT, Agensi Kerajaan, Swasta, NGO) bersama komuniti perlu diperkasakan. Jika semua pihak berganding bahu, ianya dilihat dapat membantu mencapai keberkesanan PBS di Johor ini dengan lebih cepat dan cekap. Hal ini kerana masing-masing mempunyai tugas dan peranan yang berbeza tetapi

mempunyai tujuan yang sama iaitu memastikan kawasan terlibat di tahap yang selamat. Antara perkara yang boleh dilaksanakan adalah menggalakkan penggunaan aplikasi mudah alih PDRM, penambahbaikan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) bagi memudahkan PBT mengenalpasti kawasan cadangan pemutihan kawasan *Blackspot*. Di samping itu juga, satu polisi atau penguatkuasaan yang mandatori perlu dilaksanakan seperti mewujudkan lebih banyak lagi Skim Rondaan Sukarela (SRS) atau Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di setiap kawasan. Selain itu, hubungan dua hala yang terwujud haruslah diperkasakan lagi dengan pihak komuniti yang dapat memberi kerjasama kepada pihak berkuasa jika sesuatu yang tidak diinginkan berlaku, antaranya berkongsi rakaman kamera papan pemuka dan *CCTV*. Ini sekaligus memudahkan lagi keberkesanan PBS di Johor Bahru dapat dicapai.

KESIMPULAN

PBS di Johor melibatkan tiga bandaraya iaitu bandaraya Johor Bahru, Iskandar Puteri dan Pasir Gudang. Secara keseluruhan, hasil dari perbincangan kumpulan berfokus mendapati PBS di kawasan terpilih di Johor ini berjaya. Kejayaan PBS di ketiga-tiga bandaraya ini banyak diperolehi dari strategi 1 (mereka bentuk persekitaran fizikal) dan strategi 2 (memperkasakan kawasan sasaran). Walaupun strategi 3 (pengurusan, penyertaan komuniti dan kesedaran awam) dilaksanakan di ketiga-tiga bandaraya ini, walaubagaimanapun impak penyumbang kejayaan PBS melalui strategi ini kurang menonjol. Untuk memastikan keberkesanan PBS ini untuk jangka masa panjang, strategi 3 ini perlu diperkasakan kerana penglibatan komuniti dan kesedaran orang awam dalam membanteras jenayah ini sangat penting. Kerjasama antara pihak berkuasa, jawatankuasa komuniti dan juga orang awam ini membantu pihak berkuasa mengawal kadar jenayah dan memastikan keterjaminan keselamatan penduduk agar mereka boleh hidup dengan aman dan selesa.

RUJUKAN

- Bernama. (2022). Kerajaan peruntuk RM40 juta bagi Program Bandar Selamat. Retrieved November 1, 2023, from Astro Awani website: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-peruntuk-rm40-juta-bagi-program-bandar-selamat-373217>
- Hj. Anuar, A. N. A., & Khalifah, Z. (2012). Kepentingan Program Bandar Selamat Sebagai Asas Keselamatan Industri Pelancongan Di Bandaraya Johor Bahru. *Jurnal Teknologi*, December 2009. <https://doi.org/10.11113/jt.v51.161>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2006). *National Urbanisation Policy*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. <https://doi.org/10.1080/08111148308523122>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Statistik Jenayah*. Jabatan Perangkaan Malaysia. https://doi.org/10.1007/978-94-007-0753-5_100803
- Lim, S. B., Malek, J. A., Kong, Y. C., Tahir, Z., & Hernowo, B. (2021). Iktibar Perbezaan Pandangan Wacana Dunia dan Lokal Tentang Status Keselamatan Bandar Kuala Lumpur, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 143–158. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-12>
- Lim, S. B., Yong, C. K., Malek, J. A., Jali, M. F. M., Awang, A. H., & Tahir, Z. (2020). Effectiveness of fear and crime prevention strategy for sustainability of safe city. *Sustainability (Switzerland)*, 12(24), 1–24. <https://doi.org/10.3390/su122410593>.
- Mataković, H., & Cunjak Mataković, I. (2019). The impact of crime on security in tourism. *Security and Defence Quarterly*, 27(5), 1–20. <https://doi.org/10.35467/sdq/115539>

Rameli, N., & Ramli, F. (2019). Urbanisasi dan Kualiti Hidup: Satu Kajian Literatur Komprehensif. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, *1*(2), 24–32.
<https://doi.org/10.30880/jstard.2019.01.02.004>

Unit Khas NKRA Bandar Selamat. (2013). *Bandar Selamat* (2nd Edition)

MARITAL RAPE IN MALAYSIA: A DISCOURSE ON HUMAN RIGHTS PERSPECTIVE

Mimi Sintia Mohd Bajury, Fauzilah Salleh, Kamarulnizam Abdullah,
Nuarrual Hilal Md Dahlan, Berhanundin Abdullah, Ahmad El-Muhammady,
Aini Fatihah Roslam, Mohd Iskandar Muhammad Aziz

ABSTRACT

Historically, marital rape has not been recognized as a criminal act. Up until now, the majority of countries in the world do not have laws specifically prohibiting sexual assault during matrimony also known as marital rape. While sexual assault, in general, is being criminalized everywhere in the According to a study conducted by University Sains Malaysia (USM) in 2014, nine out of every ten Peninsular Malaysian women who have ever been in a relationship had experienced domestic violence at some point in their lives. 11% of these women have also reported being subjected to "forced sex" as a form of abuse. To date, there are no laws in Malaysia specifically prohibiting marital rape. While section 375A has been included as an amendment to the Penal Code, it is insufficient to remedy the gap in the law. It is imperative that marital rape be made a crime as soon as possible. Not only it is a problem in Malaysia, nevertheless, a review of international law and human rights standards indicates that countries that do not promulgate marital sexual assault illegal, are in violation of both the due diligence requirement and the international human rights standards. The extent of the unfinished business in the field of human rights law is demonstrated by the notable legal gaps that still exist throughout the world, providing legal immunity to men who violate their intimate partners. Given that marriage is the cornerstone of Malaysian society, marital rape should be a cause for concern because it would increase a host of other societal problems.

Keywords: *Marital Rape, Domestic Violence, Human Rights, International Law, Criminal Law*

INTRODUCTION

“*Aku terima nikahnya*”, “*Kupinang kau dengan Bismillah*” and “For Better or For Worse, Till Death Do Us Part” are sacred vows that promise life with a bed of roses. In addition, from a Muslim perspective, marriage in Islam is a sacred act of worship that should be valued, respected, and taken seriously, with a focus on fulfilling rights, responsibilities, and obligations. We may refer to the Al-Quran in Surah Ar-Rum, verse 21 which reads:

“As a religion that truly respects women, the husband-and-wife relationship in Islam is built upon the foundations of love and mutual respect,” and “And of His signs is that He created for you from yourselves mates that you may find tranquillity in them; and He placed between you affection and mercy. Indeed, in that are signs for a people who give thought.”

Sad to say, however, the promise is shattered when the sanctity of the union is tainted with cruelty and dishonour such as domestic violence including marital rape. The most common scenario which may best epitomize the general assumption concerning the underlying dynamics of rape in marriage is, “He wanted to, but she didn’t”. This said narrative, however, is not as simple a notion as it is believed to be. In a study conducted in 1985, Finkelhor and Yllo (1985) provide evidence to debunk those assumptions, arguing instead that rape in marriage is generally an act of brutality and humiliation, equal in its impact on the victim to other forms of rape outside of marriage. They estimated that rape or attempted rape occurs in one out of every ten marriages. Unfortunately, the most alarming and significant issue is the fact that in many states this type of violence by husbands is perfectly legal.

Research shows that intimate partner sexual violence is perceived as being less severe and less damaging, both physically and emotionally, than stranger rape. While 119 countries have passed legislation pertaining to domestic violence and 125 have laws on sexual harassment, only 52 countries have laws on marital rape. The discourse regarding spousal violence, in the context of Pakistan, is particularly complex owing to the non-recognition of

marital rape as a legitimate issue and the societal norms of silencing any debate surrounding sexual education (Naseem, 2018).

Majority of the people are reluctant to accept the view of marital rape as it is considered that the institution of marriage gives unlimited right to the husband to have sexual intercourse with his wife and such an act cannot be considered "rape" (Wadhwa A. & Bhargava S., 2018). Marital rape not only exposes an individual to prolonged health issues and severe psychological trauma, but it also destroys the fiduciary nature of the marriage along with the individual autonomy and privacy of the victim. Although there does not exist an exhaustive legal definition for marital rape, the reason for which is the legal and cultural sanctity it has received over the years, it can be understood as an act of nonconsensual or unwilling intercourse between spouses, where the consent for which, if any, has been obtained through force, threat, fear of punishment or violence (Kumar, Vidhik, 2021).

In Pakistan, between 20 and 30 percent of women experience domestic abuse at some point in their lives. Given that marital rape is not illegal in Zina, it is a frequent type of spousal abuse. The idea that "sex is a man's right in marriage" is one that many Pakistani men and women were brought up with (Knudsen & Mehdi, 2020). While, in South Korea, one in six couples had many instances of physical abuse from their partner. Marital violence is not seen as a crime or a communal problem, but rather as a private family matter in South Korea (Yonhap News, 2013).

China's Domestic Violence Law has been hailed as landmark legislation, as it defines domestic violence in the Chinese legal system for the first time. Despite increased protections for victims and responsibilities for the state, sexual violence is a particularly thorny problem left unaddressed by the Domestic Violence Law. Under the current legislation, marital rape is neither a criminal nor civil offense. China is one of only 10 countries that has not criminalized rape in marriage, alongside Ghana, India, Indonesia, Jordan, Lesotho, Nigeria, Oman, Singapore, Sri Lanka, and Tanzania (Feldshuh, 2018).

Sometimes one could not fathom between marital rape and domestic violence and its similarity. It is worth noting that the forms of domestic violence are divided into three categories: the physical, the emotional, and the sexual and these include intimidation with a weapon, and threat to injure to elicit forced sex. This study was carried out from 2007 to 2013 and the facts produced are also a valid view of all the data available and is the result that each encounter is random, based on statistics from the Department of Statistics Malaysia (KANITA, 2014). From the said study, it can be concluded that marital rape is a form of domestic violence.

DEFINITION OF RAPE

In our discourse on marital rape, we must first understand the basic elements of the offense of rape. By virtue of section 375 of the Penal Code, it is stated that a man commits the offense of rape when he has sexual intercourse with a woman:

- (a) against her will
- (b) without her consent
- (c) with her consent, when her consent has been obtained by putting her in fear of death or hurt to herself or any other person, or obtained under a misconception of fact and the man knows or has reason to believe that the consent was given in consequence of such misconception
- (d) with her consent, when the man knows that he is not her husband and her consent is given because she believes that he is another man to whom she is or believes herself to be lawfully married or to whom she would consent
- (e) with her consent, when at the time of giving such consent, she is unable to understand the nature and consequences of that to which she gives consent
- (f) with her consent, when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of a professional relationship or other relationship of trust in relation to her
- (g) with or without her consent when she is under sixteen years of age

The punishment for rape is provided under section 376 (1) of the Penal Code which states that whoever commits rape shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years. The sentence of whipping is also prescribed under the said section. In a situation of aggravated rape, the punishment for the offense is enhanced when rape is committed in the circumstances provided in section 376 (2), (3) and (4) of the Penal Code. Examples of aggravated rape can be seen, inter alia, when at the time of, or immediately before or after the commission of the offense the perpetrator causes hurt to the victim or to any other person; or the sexual intercourse with a girl under sixteen years of age was without her consent, or at the time of the offense the woman was pregnant; etc. The minimum sentence for the offense of aggravated rape is imprisonment of not less than ten years, with the maximum sentence of not exceeding thirty years imprisonment, and shall also be punished with whipping.

Section 376 (3) of the Penal Code also provides for enhanced punishment for, “whoever commits rape on a woman whose relationship to him is such that he is not permitted under the law, religion, custom or usage, to marry her”, while section 376 (4) of the Penal Code imposes similar enhanced punishment on “whoever whilst committing or attempting to commit rape causes the death of the woman on whom the rape is committed or attempted”.

Rape is a gender-specific offense in which it is an offense directed at women and is very limited to one specific form of sexual contact, namely, penetration in the vagina with a penis. Apart from penile penetration, the most crucial element to be proved is that sexual intercourse took place without the woman’s consent.

Section 90 of the Penal Code explains that consent is not such a consent as is intended by any section of this Code:

- (a) if the consent is given by a person under fear of injury, or under a misconception of fact, and if the person doing the act knows, or has reason to believe, that the consent was given in consequence of such fear or misconception

- b) if the consent is given by a person who, from unsoundness of mind or intoxication, is unable to understand the nature and consequence of that to which he gives his consent; or
- (c) unless the contrary appears from the context if the consent is given by a person who is under twelve years of age

(For further reading: Lee, Mimi Sintia, et al, (2015), Introduction to Principles & Liabilities in Criminal Law, Second Edition).

Given that we have explored the legal definition of rape, marital rape, on the other hand, can be described as sexual intercourse by the husband with his wife without her express consent. Marital rape usually occurs when the solicitation of sex is done via intimidation, threat, force, or in any situation in which the element of consent cannot happen or take place. A question arises as to whether Malaysia has a provision governing marital rape? Regretfully, marital rape is not a concept that exists in Malaysian law in that we do not have a specific law to deal with marital rape despite numerous calls by various NGOs in Malaysia. Marital rape exemption is deeply entrenched in the exception under section 375 of the Penal Code that sexual intercourse by a man with his own wife by marriage which is valid under any written law for the time being in force is not rape.

